



# 2020 LAPORAN TAHUNAN



جائتہ کما جوائہ اسلام ملیسیا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

# KANDUNGAN

# 2020

03

**PERUTUSAN MENTERI**

05

**KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH  
JAKIM**

06

**INFO KORPORAT**

09

**CARTA ORGANISASI JAKIM**

10

**PENGURUSAN TERTINGGI JAKIM**

11

**PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN**

14

**LAPORAN MENGIKUT KLUSTER**

14

**KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS**

53

**DAKWAH DAN MEDIA**

74

**PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INSAN**

99

**PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN  
SYARIAH**

121

**SOSIO EKONOMI UMMAH**

134

**INSTITUSI MASJID**

**PERUTUSAN  
MENTERI**



**D**engan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan kurnia-Nya saya diberi kesempatan bersama-sama dalam perkhidmatan hal ehwal Islam di Malaysia untuk melebar risalah Islam. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada JAKIM di atas kejayaan melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2020.

JAKIM sebagai peneraju hal ehwal Islam di Malaysia telah memainkan peranan penting untuk menjuarai isu-isu umat Islam bagi memastikan agenda mendaulatkan Islam terus terlaksana di bumi Malaysia tercinta ini. Sehubungan itu, saya melihat JAKIM mempunyai peranan yang signifikan bagi menyahut titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong semasa Pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 iaitu:

"Kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan akan terus dipertahankan. Selaras dengan ajaran Islam yang syumul dan dipacu oleh prinsip Maqasid Syariah, Beta mahu kerajaan mewujudkan pentadbiran agama Islam yang inklusif, progresif, membentuk hubungan etnik dan agama yang harmoni, menyantuni kemanusiaan dan peradaban ke arah kesejahteraan sejagat."

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan dengan mengambilkira prosedur operasi standard (SOP) pandemik Covid-19 yang melanda negara dan dunia bagi memastikan aspirasi serta hala tuju baharu negara dapat direalisasikan sepanjang tahun 2020.

Penerbitan Laporan Tahunan JAKIM 2020 ini adalah rangkuman aktiviti seluruh warga JAKIM yang sentiasa komited melaksanakan tugas walau pelbagai cabaran melanda negara. Usaha tanpa mengenal lelah ini seharusnya diteruskan bagi mengarusperdana tadbir urus Islami yang inklusif dan progresif berteraskan Maqasid Syariah.

Saya amat berharap agar semua agensi agama sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri-negeri terus menunjukkan pencapaian terbaik dan saling berganding bahu memikul amanah yang dipertanggungjawabkan. Sesungguhnya setiap kejayaan memerlukan perancangan yang baik dan usaha yang berterusan daripada semua pihak.

**YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI**



# KATA ALU-ALUAN

KETUA PENGARAH  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**A**lhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya tahun 2020 telah berjaya diharungi dengan penuh dedikasi walaupun negara dilanda pelbagai cabaran khususnya pandemik Covid-19.

Tahun 2020 telah melabuhkan tirainya dan kita telah saksikan pelbagai kejayaan serta pencapaian telah diraih oleh Jabatan ini. Setiap pencapaian dan aktiviti yang dilaksanakan pastinya menjadi kayu ukur sejauh mana mampu memberi impak bermakna kepada masyarakat sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Hal ini membuktikan bahawa setiap usaha dan komitmen yang kita lakukan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat dan luar biasa. Sewajarnya pencapaian tersebut akan memberikan semangat kepada warga JAKIM untuk terus meningkatkan kualiti perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Program-program JAKIM bukan sahaja mendapat tempat di hati masyarakat, malahan mendapat pengiktirafan oleh pelbagai pihak antaranya seperti Akreditasi ISO/IEC 17065:2012 yang telah diterima oleh Bahagian Pengurusan Halal.

Selain itu, JAKIM juga berperanan secara langsung dalam menyantuni mereka yang terlibat dengan wabak Covid-19 yang melanda negara. Pelbagai inisiatif dan usaha telah dilakukan bagi mendepani pandemik ini antaranya melalui Tabung Musa'adah JAKIM -YWM dengan sumbangan melebihi RM 9 Juta. Selain itu, kenaikan kadar elaun guru takmir, peruntukan elaun guru KAFA, peruntukan khas Kerajaan Persekutuan kepada institusi pendidikan Islam yang berdaftar turut meringankan beban kumpulan sasar tersebut.

Saya percaya segala pencapaian ini bukanlah hasil usaha pengurusan tertinggi JAKIM semata-mata, namun ia adalah manifestasi kerjasama erat semua posisi dalam Jabatan. Oleh itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas usaha serta komitmen tinggi warga JAKIM.

Akhir kata, saya menyeru kepada warga JAKIM agar menjiwai hala tuju Jabatan dan memberikan komitmen penuh bagi menjayakan matlamat yang telah kita tetapkan.

**DATUK ABDUL AZIZ BIN JUSOH**

## VISI

Peneraju Kecemerlangan  
Pengurusan Hal Ehwal Islam  
di Malaysia Menjelang 2020

## SLOGAN

“Berwibawa dan Berhikmah”

## MISI

Memacu Transformasi  
Pengurusan Hal Ehwal  
Islam Untuk Meningkatkan  
Kemaslahatan Negara  
Melalui Pemerkasaan  
Agensi Islam Secara  
Inovatif dan Strategik

## OBJEKTIF

Memastikan ajaran Islam tersebar  
luas kepada masyarakat

Membentuk kepimpinan yang  
berwibawa dan melahirkan  
tenaga pengurusan yang terlatih,  
berkemampuan, dedikasi dan  
berhikmah

Menghasilkan sistem pengurusan yang  
berteraskan nilai dan etika Islam

## NILAI BERSAMA

### JATI DIRI

Mempunyai jati diri yang berjiwa merdeka dalam berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

### AMANAH

Menjalankan tugas dengan penuh iltizam, dedikasi dan rasa tanggungjawab selaras dengan amanah yang telah diikrarkan.

### KERJASAMA

Menggembeng tenaga, pengetahuan dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi.


### IMAN, IKHLAS, INTEGRITI

Berkhidmat dengan penuh keimanan, keikhlasan dan berintegriti melalui etika kerja yang sistematik, efisien dan konsisten demi menghasilkan impak yang cemerlang berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

### MARDHATILLAH

Bekerja berlandaskan prinsip-prinsip syariah ke arah memartabatkan ummah demi mencapai keredhaan Allah SWT.

Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), maka JAKIM melaksanakan tiga fungsi utama berikut :



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri akan berperanan sebagai agensi pusat dalam perancangan pengurusan hal ehwal Islam dan pembangunan ummah dengan fungsi-fungsi seperti berikut:



# PIAGAM PELANGGAN

Jabatan ini berjanji akan melaksanakan tanggungjawab dan memainkan peranan sebagai "agensi pusat" yang unggul dengan memberikan perkhidmatan yang berkualiti dalam pengurusan hal ehwal Islam. Ia dilaksanakan melalui usaha penyelarasan dan peningkatan mutu perkhidmatan dalam bidang dakwah dan pembangunan insan, penyelidikan dan pembangunan, perundangan Islam, akidah dan aliran pemikiran, pengurusan halal, pengurusan siasah syariah, kewangan dan ekonomi serta *tarbiyyah* dan *tadribiyyah* Islamiah dengan menyediakan perkhidmatan seperti yang berikut:

01

Menyediakan draf undang-undang syariah dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan selepas semua dasar diputuskan.

02

Menyediakan hasil penyelidikan dalam bidang akidah, syariah, falak, muamalat, al-Quran dan al-Hadis dalam tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan hingga selewat-lewatnya 12 bulan selepas arahan diterima bagi mendapatkan pandangan hukum dan menyelesaikan masalah masyarakat.

03

Memberi maklumbalas terhadap jemputan penceramah, pembentangan kertas kerja, forum, khidmat pakar perundangan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas permohonan diterima.

04

Menerbitkan rancangan Forum Perdana Ehwal Islam seminggu sekali di saluran Radio Televisyen Malaysia (RTM).

05

Mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal bagi permohonan yang memenuhi syarat dalam tempoh 30 hari bekerja selepas permohonan diterima.

06

Memberi maklumbalas kepada pengguna Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) dengan cepat dan tepat dalam tempoh satu (1) hari bekerja bagi akuan penerimaan dan tiga (3) hari bekerja bagi pertanyaan dan aduan.

07

Memastikan semua aduan yang bermaklumat lengkap diurustadbir mengikut prosedur operasi standard dan maklumbalas dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja.

08


Memastikan urusan di kaunter perkhidmatan pelanggan utama memenuhi kehendak pelanggan dalam tempoh lima (5) minit.

09

Memastikan perkhidmatan Portal JAKIM beroperasi pada kadar 99.5 peratus setahun.



## CARTA ORGANISASI JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)



TARIKH KEMASKINI: 31/12/2020

# PENGURUSAN TERTINGGI 2020



**KOSONG**

Ketua Pengarah



**HAKIMAH BINTI  
MOHD YUSOFF**

Timbalan Ketua  
Pengarah (Dasar)



**DATUK ABDUL AZIZ BIN  
JUSOH**

Timbalan Ketua  
Pengarah (Operasi)



**AHMAD PUAD BIN  
APANDI**

Timbalan Ketua  
Pengarah (Pengurusan)

## PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN



**DATO' DR SIRAJUDDIN  
BIN SUHAIMEE**  
PENYELIDIKAN  
PENGARAH KANAN



**DATO' SELAMAT  
BIN PAIGO**  
DASAR KEMAJUAN ISLAM  
PENGARAH KANAN



**KOSONG**  
DAKWAH  
PENGARAH KANAN



**DR. NORDIN BIN AHMAD**  
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA  
PENGARAH KANAN



**RAMZI BIN OSMAN**  
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG  
PENASIHAT UNDANG-UNDANG



**HASHIM BIN SALLEH**  
PENDIDIKAN  
PENGARAH



**MOHAMAD KORI BIN  
JUSUH**  
DARUL QURAN  
PENGARAH



**MARZUKI BIN HASSAN**  
MAJLIS HALAL MALAYSIA  
PENGARAH



**DR. LOKMAN BIN AB.  
RAHMAN**  
KELUARGA, SOSIAL DAN KOMUNITI  
PENGARAH



**NORDIN BIN HAJI  
SULAIMAN**  
PENYIARAN  
PENGARAH



**ABD. RAHMAN BIN MOHD  
MOHD**  
PENGURUSAN MAKLUMAT  
PENGARAH



**BUKHARI BIN MD AKHIR**  
PENGURUSAN HALAL  
PENGARAH



**MOHD ANSARULLAH  
BIN MOHD HASHIM**  
PENYELARASAN PENGUATKUASAAN  
& PENDAKWAAN SYARIAH  
PENGARAH



**MOHD NORIZAN BIN  
ABD GHANI**  
PENERBITAN  
PENGARAH



**HUSAIRY BIN SAPIEI**  
KEURUSETIAAN & HUBUNGAN LUAR  
PENGARAH



**MOHD ZAMRI BIN  
MOHAMED SHAPIK**  
INSTITUT PENGAJIAN ISLAM &  
DAKWAH SABAH (IPDAS)  
PENGARAH



**DR. MUHAMMAD YAMIN  
BIN ISMAIL**  
INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM  
MALAYSIA SARAWAK (IKMAS)  
PENGARAH



**NOR SAFINA BINTI ZAINAL**  
MAQASID SYARIAH  
PENGARAH



**NIK MOHD RIDZUAN  
BIN NIK YAACOB**

KEWANGAN  
PENGARAH



**AZLIN BINTI AZIZAN**

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
PENGARAH



**MOHD ZURI BIN ZAINOL**

KHIDMAT PENGURUSAN  
PENGARAH



**NORJELI BIN HAJI DAIS**

JAKIM SABAH  
PENGARAH



**HAMDAN BIN JAR'EE**

JAKIM SARAWAK  
PENGARAH

# KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS

---



KOMPLEKS  
ISLAM  
PUTRAJAYA

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) menyediakan perkhidmatan sokongan dan khidmat nasihat dalam sistem pengurusan pentadbiran bagi memastikan aktiviti di Ibu Pejabat JAKIM dapat dilaksanakan secara profesional dan sekaligus meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan. BKP terdiri daripada dua (2) cawangan utama iaitu Cawangan Pentadbiran dan Fasiliti dan Cawangan Pengurusan Fail dan Stor.

## CAWANGAN PENTADBIRAN DAN FASILITI

Cawangan Pentadbiran dan Fasiliti merupakan cawangan yang mengendalikan urusan melibatkan pentadbiran am, keselamatan jabatan, pengurusan kenderaan dan pengurusan fasiliti. Cawangan ini terdiri daripada dua seksyen iaitu Seksyen Pentadbiran dan Seksyen Fasiliti. Aktiviti dan pencapaian unit sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Penyelarasan Laporan Kehadiran Sistem iHadir	Kursus Pentadbir Sistem iHadir telah diadakan pada 7 Januari 2020 dengan penyertaan seramai 25 orang wakil bahagian.
2.	Kursus Pengenalan Pengiktirafan ISO MS 9001: 2015 (Sistem Pengurusan Kualiti)	Kursus telah diadakan pada 2 hingga 3 September 2020 dengan penyertaan seramai 20 pegawai.
3.	Perpindahan Bahagian	Pengurusan perpindahan Perpustakaan Sheikh Idris Al-Marbawi daripada JAWI Kuala Lumpur ke Masjid Negara
4.	Kerja Ubah Suai Bahagian dan penyusunan semula bahagian	Pengubahsuaian Pejabat YB Menteri dan penyusunan semula Bahagian Maqasid Syariah, Bahagian Penyelidikan, Bahagian Dasar Kemajuan Islam dan Bahagian Dakwah.

### Ringkasan Aktiviti dan Pencapaian

## UNIT KESELAMATAN

Unit Keselamatan bertanggungjawab merancang, mereka bentuk, mengurus, menyelaras dan melaksanakan Sistem Keselamatan Perlindungan di JAKIM. Pencapaian untuk beberapa aktiviti utama bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Pelan Kesenambungan Perkhidmatan Jabatan	Pelan telah dimuktamadkan dan diluluskan pada 28 Jun 2020.
2.	Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Pelawat dan Tugas Anggota Keselamatan di Kaunter Keselamatan JAKIM.	Garis Panduan telah diluluskan.

3.	Penyediaan Garis Panduan Pengendalian Dan Pengurusan Kunci Keselamatan Di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	Garis Panduan telah diluluskan.
4.	Garis Panduan Pengurusan dan Pengendalian Sistem Kamera Litar Tertutup (Closed-Circuit Television) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	Garis Panduan telah diluluskan.
5.	Arahan Pentadbiran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan	5 Arahan Pentadbiran Garis Panduan Operasi Pejabat JAKIM dikeluarkan.
6.	Taklimat Pengurusan Penggunaan Bilik Kebal	Taklimat oleh Pegawai Pejabat Ketua Keselamatan Jabatan Kerajaan Malaysia pada 3 Julai 2020 kepada Pegawai Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
7.	Pelantikan Pegawai Pengelas	13 Pegawai/Pengarah Bahagian telah dilantik oleh YB Menteri
8.	Pelantikan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ)	7 pegawai telah dilantik iaitu 1 PKJ (Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) ) dan 6 PPKJ (Pengarah Bahagian)
9.	Pelantikan Pendaftar Kecil Rahsia	74 pegawai di Bahagian telah dilantik sebagai Pendaftar Kecil Rahsia
10.	Rondaan Keselamatan di Blok A, B & D	Rondaan setiap hari pada sesi pagi, petang & malam oleh Anggota Bertugas.

## UNIT KENDERAAN

Unit Kenderaan menguruskan kenderaan jabatan, Kereta Rasmi Jawatan, kenderaan sewaan SPANCO dan pihak swasta. Antara fungsi di bawah unit ini adalah pengurusan tempahan kenderaan jabatan, pembelian kenderaan Jabatan, pembelian Kereta Rasmi Jawatan (KRJ) selepas bersara (OTP), pengurusan kad inden, Touch & Go, penyelenggaraan kenderaan berkala, kerosakan, kemalangan serta pelupusan kenderaan. Aktiviti dan pencapaian unit ini sepanjang tahun 2020 seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Tempahan kenderaan Jabatan	2,143 telah diproses
2.	Pembelian Kenderaan Jabatan	5 buah iaitu 4 Multi-Purpose Vehicle (MPV) dan 1 Sport Utility Vehicle (SUV)
3.	Pembekalan dan penggantian KRJ	6 buah iaitu 4 buah pembekalan KRJ (baharu) dan 2 buah penggantian KRJ
4.	Pengeluaran Notis Saman	7 memo peringatan telah dikeluarkan
5.	Pelupusan (Sijil Perakuan Pelupusan Jabatan Kerja Raya-PEP)	7 buah kenderaan telah memperolehi PEP





**Serahan 5 buah kenderaan oleh Syarikat Nikaijaya Sdn. Bhd di Jabatan Kerja Raya**

## SEKSYEN FASILITI

Seksyen Fasiliti merupakan unit yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mengawal selia penyelenggaraan bangunan dan kemudahan fasiliti. Seksyen ini bertindak sebagai pentadbir utama Sistem Tempahan (MyTempahan) dengan memproses permohonan tempahan bagi 13 buah bilik seminar, bilik mesyuarat dan Auditorium Kompleks Islam Putrajaya. Selain itu, Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam menyelaras pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Jabatan. Aktiviti dan pencapaian unit ini bagi sepanjang tahun 2020 adalah seperti Jadual 4:



**Kunjungan YB Datuk Seri Rina binti Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke Taska Mawaddah JAKIM di Kompleks Islam Putrajaya. Turut hadir Bersama YB Senator Datuk Dr Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).**



**Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana EKSA JAKIM**

BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Pengurusan tempahan bilik mesyuarat	1071 permohonan tempahan bilik mesyuarat telah diluluskan
2.	Pengurusan kemudahan fasiliti	60 permohonan diluluskan
3.	Pengurusan tempat letak kenderaan	84 permohonan letak kenderaan telah diluluskan
4.	Pengurusan Aduan	720 aduan selesai
5.	Pengurusan Taksa	<p>Taska Mawaddah JAKIM telah dibuka dan beroperasi pada 6 Januari 2020</p> <p>Seramai 44 orang kanak-kanak telah berdaftar.</p>
6.	EKSA Jabatan	<p>1 kali Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA JAKIM</p> <p>3 kali Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana EKSA</p> <p>4 siri pertandingan/program pengiktirafan jabatan telah diadakan</p> <p>2 sesi latihan dilaksanakan</p> <p>1 kali audit dalaman dilaksanakan</p>
7.	Pengurusan ruang sewaan komersial JAKIM & Pusat Tanggungjawab (PTJ)	<p>3 siri mesyuarat Jawatankuasa Ruang Komersial telah diadakan</p> <p>13 permohonan daripada PTJ telah diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Ruang Komersial</p>

### Ringkasan Aktiviti dan Pencapaian



Sesi Ziarah Zon EKSA oleh Jawatankuasa Induk JAKIM



## CAWANGAN PENGURUSAN ASET DAN FAIL

Cawangan Pengurusan Aset dan Fail merupakan cawangan yang mengendalikan urusan melibatkan pengurusan aset dan stor JAKIM serta Pengurusan Dokumen Rasmi Kerajaan, Dokumen Rahsia Rasmi Kerajaan dan pengendalian DDMS. Cawangan ini terdiri daripada dua seksyen utama iaitu Seksyen Pengurusan Aset dan Stor dan Seksyen Pengurusan Fail dan Keurusetiaan.


### Seksyen Pengurusan Aset Dan Stor

Seksyen Pengurusan Aset dan Stor merupakan seksyen yang bertanggungjawab untuk merancang, memantau, membuat pengawasan serta menyelia pengurusan aset di JAKIM Ibu Pejabat dan juga Pusat Tanggungjawab (PTJ) JAKIM yang lain di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Isnin dan Rabu  
(9:00 pagi – 12:00 tengah hari dan  
2:30 – 4:00 petang)

Jumaat  
(9:00 pagi – 12:00 tengah hari dan  
3:00 – 4:00 petang)

Seksyen ini turut bertanggungjawab ke atas Pengurusan Stor Utama yang beroperasi untuk urusan pengambilan stok seperti di bawah:-



Gambar Kaunter Urusan Stor Utama JAKIM

Bagi tahun 2020, Seksyen ini telah berjaya mengendalikan empat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) seperti di Jadual 2.

BIL	MESYUARAT JKPAK JAKIM	TARIKH
1.	JKPAK Bilangan 4 Tahun 2019	23 Januari 2020
2.	JKPAK Bilangan 1 & Bilangan 2 Tahun 2020	14 Julai 2020
3.	JKPAK Bilangan 3 Tahun 2020	21 Oktober 2020

Jadual 2: Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan

Seksyen ini turut bertanggungjawab dalam memastikan kompetensi dan pengetahuan pegawai yang menguruskan aset dan stor di Bahagian dan PTJ sentiasa ditingkatkan melalui penganjuran kursus dan bengkel. Berikut adalah dua (2) program yang telah dilaksanakan dengan kerjasama Unit Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia:


01

Taklimat Pemeriksaan Aset dan Verifikasi Stor JAKIM 2020 pada 4 Februari 2020 bertempat di Bilik Seminar Al-Bayyinah, Aras 5, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya; dan

02

Bengkel Pemurnian Data Sistem Pengurusan Aset JAKIM 2020 pada 5 Oktober 2020 bertempat di Bilik Simulasi, Bahagian Pengurusan Maklumat.

Sepanjang tahun 2020 juga, Unit Pengurusan Aset telah mendaftarkan sebanyak 2,322 unit Aset Alih yang merangkumi pendaftaran Aset Alih yang telah tamat kontrak sewa-beli dengan pihak pemilik bangunan, kelengkapan Pejabat YB Menteri, kelengkapan Pejabat YB Timbalan Menteri dan Kenderaan Rasmi Jabatan.



**Gambar sekitar pendaftaran Aset Alih di Bahagian Pendidikan**



Pada tahun 2020 Unit Pengurusan Aset telah menguruskan beberapa pindahan dan pelupusan Aset Alih di Ibu Pejabat dan PTJ seperti yang berikut:


BIL	TEMPAT	UNIT	JUMLAH
1.	JAKIM IBU PEJABAT	14	377
2.	MASJID NEGARA	36	487
3.	JAKIM CAWANGAN SARAWAK	-	9
<b>KESELURUHAN</b>		<b>50</b>	<b>873</b>



**Gambar Pemeriksaan Pelupusan Aset oleh Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP)**

Seksyen ini juga telah menyelaraskan Pemeriksaan Aset di Ibu Pejabat dan PTJ yang telah dilaksanakan sepanjang Suku Ketiga dan Keempat Tahun 2020 (Julai hingga Disember 2020) dengan perincian seperti yang berikut:

BIL	PTJ	KUANTITI ASET	PERATUS PEMERIKSAAN
1.	JAKIM Ibu Pejabat	8,952	100%
2.	JAKIM Cawangan Sabah	7,270	9%
3.	JAKIM Cawangan Sarawak	7,950	100%
4.	Masjid Negara	4,149	100%
5.	Masjid Putra	1,544	100%
6.	Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA)	1,936	100%
7.	Darul Quran	13,911	100%
8.	Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Utama Bangi	10,618	100%
9.	ILIM Kampus Besut	1,938	100%
10.	ILIM Kampus Jelebu	1,618	100%
<b>KESELURUHAN</b>		<b>59,886</b>	<b>97.37%</b>



**Pemeriksaan Aset Alih di Ibu Pejabat JAKIM**

Verifikasi Stor di semua 10 Stor Utama Ibu Pejabat dan PTJ JAKIM juga telah berjaya dilaksanakan 100% pada Suku Keempat Tahun 2020 (Oktober hingga Disember 2020).



**Gambar Sekitar Verifikasi Stor di Stor Utama Ibu Pejabat JAKIM**

## **Seksyen Pengurusan Fail Dan Keurusetiaan**

Seksyen Pengurusan Fail dan Keurusetiaan merupakan seksyen yang bertanggungjawab untuk merancang, memantau, membuat pengawasan serta menyelia pengurusan Dokumen Rasmi dan Dokumen Rahsia Rasmi Kerajaan.


Dalam usaha meningkatkan kefahaman warga JAKIM terhadap tatacara pengurusan Rahsia Rasmi, Seksyen ini telah bekerjasama dengan Unit Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia untuk menganjurkan Kursus Pengurusan Rahsia Rasmi Bagi Pendaftar Kecil Rahsia JAKIM 2020 yang telah diadakan pada 5 dan 6 Ogos 2020 bertempat di Bilik Seminar Al-Bayyinah, Aras 5, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya.

**Gambar Sekitar Kursus Pengurusan Rahsia Rasmi Bagi Pendaftar Kecil Rahsia JAKIM 2020**



Seksyen ini juga bertindak sebagai penyelaras dalam usaha memperkemas penggunaan Digital Document Management System (DDMS) di JAKIM Ibu Pejabat serta meluaskan lagi penggunaannya ke Pusat Tanggungjawab (PTJ) JAKIM yang lain secara berperingkat. Pada tahun 2020, Seksyen ini dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat telah berjaya melaksanakan Go Live Fail Fungsi JAKIM.700 "Hal Ehwal Pengurusan Halal" di Ibu Pejabat dan pelaksanaan Bengkel serta Go Live penggunaan DDMS di JAKIM Cawangan Sarawak secara dalam talian.

**Suasana Bengkel dalam talian di Bilik Simulasi, Bahagian Pengurusan Maklumat di JAKIM Cawangan Sarawak**



Seksyen ini juga berperanan sebagai Urus Setia bagi Mesyuarat Utama Jabatan termasuk Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan JAKIM dan Mesyuarat Mingguan JAKIM. Sepanjang tahun 2020, bilangan mesyuarat yang telah dikendalikan seperti butiran yang berikut:

MESYUARAT MINGGUAN JAKIM	BILANGAN
MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN JAKIM	6
MESYUARAT MINGGUAN JAKIM	14

Di samping keurusetiaan mesyuarat, Seksyen ini juga bertanggungjawab sebagai penyelaras Perhimpunan Bulanan JAKIM dan Perhimpunan Agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

**Majlis Perhimpunan Agensi Di Bawah YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Tahun 2020 pada 13 Januari 2020**



**Majlis Penyampaian Agenda 2020 Ketua Pengarah JAKIM pada 31 Januari 2020**




# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## SEKSYEN PEPERIKSAAN

### Seksyen Pengurusan Fail Dan Keurusetiaan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusa (BPSM) JAKIM telah mengendalikan satu (1) siri Peperiksaan Perkhidmatan bagi Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S19, S29 dan S41 pada 11 hingga 12 Ogos 2020 bertempat di Bilik Seminar Al Bayyinah, Aras 5, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya dengan kehadiran seramai 51 orang calon. Peperiksaan ini diwajibkan kepada semua pegawai lantikan baharu dari skim Hal Ehwal Islam dan perlu lulus dalam semua subjek sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan.



Jumlah Kehadiran Calon Peperiksaan Perkhidmatan JAKIM Tahun 2020



Peperiksaan Perkhidmatan Tahun 2020





## Seminar Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Tahun 2020

BPSM dengan kerjasama Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU) telah menganjurkan Seminar Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) untuk memasuki skim perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 dan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 pada 6 dan 7 Oktober 2020 bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, ILIM. Penganjuran seminar ini adalah hasil daripada usul pihak Pekerja dalam Mesyuarat MBJ Bilangan 1 Tahun 2020 yang mengesyorkan supaya JAKIM menganjurkan satu Bengkel Teknik Menjawab Soalan PSL bagi membantu dan membimbing pegawai-pegawai menjawab soalan dengan baik.



Seminar Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan PSL

## SEKSYEN PERKHIDMATAN

### Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JAKIM Tahun 2020

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan platform perbincangan di antara pihak pegawai dan pekerja meliputi semua perkara berkaitan dengan persekitaran bekerja kecuali dasar kerajaan atau hal-hal peribadi. Antara perkara-perkara yang boleh dibincangkan adalah meliputi isu elaun dan kemudahan, kewangan, perkhidmatan, skim perkhidmatan dan perjawatan, kebajikan, pentadbiran serta hal-hal lain yang berkaitan.

Bagi tahun 2020, JAKIM telah menganjurkan sebanyak tiga (3) siri Mesyuarat MBJ iaitu pada 29 Jun 2020 (dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Nordin bin Ahmad, Pengarah Kanan ILIM), 24 September 2020 (dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Paimuzi bin Yahya, mantan Ketua Pengarah JAKIM) dan 23 Disember 2020 [dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM. JAKIM telah menyesuaikan pelaksanaan mesyuarat mengikut Standard Operation Procedures yang ditetapkan dengan menghadirkan kehadiran ahli ke mesyuarat secara bersemuka dan secara atas talian.

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan bagi 22 orang Wakil Pihak Pekerja MBJ Sesi 2018/2019 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Paimuzi bin Yahya, mantan Ketua Pengarah JAKIM dengan penyerahan sijil kepada YBrs. Dr. Mohd Izwan bin Mohd Yusof, Pengerusi Pihak Pekerja. Penyampaian Surat Pelantikan bagi 23 orang Wakil Pihak Pekerja MBJ Sesi 2020/2021 pula telah disampaikan kepada YBrs. Dr. Sa'adi bin Awang, Pengerusi Pihak Pekerja Sesi 2020/2021.

### Mesyuarat MBJ Tahun 2020



### Mesyuarat MBJ Tahun 2020



### Mesyuarat MBJ Tahun 2020



Ahli-ahli mesyuarat dan urus setia bergambar kenangan bersama Pengerusi Pihak Majikan

## Hari Terbuka BPSM - Semakan Buku Perkhidmatan Pegawai



Hari Terbuka BPSM telah diadakan pada 29 September 2020. Semua warga JAKIM yang bertugas di Ibu Pejabat JAKIM telah diberi peluang untuk menyemak catatan pada Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) seperti pergerakan gaji tahunan, rekod cuti, GCR, latihan yang telah dihadiri dan hal-hal lain berkaitan perkhidmatan pegawai.



Sesi soal jawab dan penerangan mengenai urusan perkhidmatan yang tercatat di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) oleh pegawai BPSM

## SEKSYEN KONTRAK

### Pengambilan Pegawai Kontrak Lantikan Baharu

Urusan pengambilan pegawai kontrak (Contract of Service) di JAKIM adalah berpandukan kepada tatacara pengambilan yang ditetapkan dalam Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) Bilangan 1 Tahun 2017. Sepanjang tahun 2020, aktiviti pengambilan pegawai kontrak telah dilaksanakan mengikut norma baharu dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Urusan Temu Duga yang dikeluarkan oleh pihak SPA bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Pada bulan Disember 2020, SPA telah memperakukan pelantikan ke atas 41 orang pegawai kontrak baharu untuk berkhidmat di JAKIM. Taklimat mengenai urusan perkhidmatan telah disampaikan kepada semua pegawai kontrak lantikan baharu ini sebagai persediaan awal sebelum memulakan tugas di negeri yang dilaksanakan penempatan mereka.

BIL	Jawatan Ditemuduga	Pusat Temu Duga	Tarikh Temu Duga
(a)	Pemandu Kenderaan Gred H11	Sabah Sarawak	11 Februari 2020 12 Februari 2020
(b)	Pembantu Operasi Gred N11	Sabah Sarawak	11 Februari 2020 12 Februari 2020
(c)	Pegawai Teknologi Makanan Gred C41	MyHAC, Bandar Enstek, Nilai	10 – 14 Ogos 2020
(d)	Pegawai Teknologi Makanan Gred C41	Putrajaya	21 – 22 September 2020
(e)	Penyelia KAFA Gred S19	Terengganu Perak Johor	28 – 29 September 2020 28 September 2020 30 September 2020
(f)	Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) Gred S29	Johor Perak Putrajaya Kedah	13 Oktober 2020 14 Oktober 2020 15 Disember 2020 17 Disember 2020
(g)	Pegawai Farmasi Gred UF41	Putrajaya	16 – 18 Disember 2020

### Siri temu duga yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020




Urus setia BPSM mengasingkan dokumen calon mengikut kategori permohonan

Sesi temu duga di Pusat Makmal Analisis Halal Malaysia (MyHAC), Bandar Enstek, Nilai



Sesi temu duga secara dalam talian

### PEGAWAI KONTRAK YANG DILANTIK SEPANJANG TAHUN 2020



Bilangan pegawai kontrak yang dilantik sepanjang tahun 2020

### Taklimat Perkhidmatan Kepada Pegawai Kontrak

BPSM bersama Bahagian Dakwah dan Bahagian Pendidikan, JAKIM di minta untuk menyampaikan taklimat perkhidmatan kepada Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) Gred S29 semasa Kursus Profesionalisme PPMD Seluruh Malaysia pada 26 Ogos 2020 di Hotel Tenera, Bangi, dan kepada Penyelia Kafa Negeri Sabah yang diadakan pada 15 September 2020 di Hotel Shangrila, Bandar Kota Kinabalu, Sabah. Antara skop taklimat adalah mengenai pelantikan, pelantikan semula, penamatan perkhidmatan dan pengurusan cuti pegawai kontrak.



Penyampaian Taklimat Perkhidmatan kepada Penyelia Kafa Negeri Sabah

## Lawatan Penandaarasan Ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA)



Satu lawatan penandaarasan ke SPA telah diadakan pada 20 Julai 2020 bertujuan mendapatkan penerangan mengenai Sistem Pendaftaran Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam (SPA8i) yang digunakan oleh SPA bagi pengambilan pegawai baharu. Penerangan telah diberikan oleh Puan Mashita binti Mastor, Ketua Penolong Setiausaha dari Bahagian Digital dan Informatik, SPA.



**Lawatan Penandaarasan ke SPA bagi Penggunaan Sistem Pendaftaran Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam (SPA8i)**

## SEKSYEN LATIHAN GUNASAMA (BPSM)

Unit Latihan Gunasama BPSM JAKIM telah melaksanakan pelbagai latihan bagi membangunkan modal insan yang kompeten, bermotivasi dan peka kepada perubahan persekitaran. Pelaksanaan kursus kepada pegawai-pegawai dari Skim Perkhidmatan Gunasama di JAKIM adalah bersifat generik (umum) dan fungsional (khusus) dengan berobjektifkan peningkatan pengetahuan dan kemahiran pegawai dalam bidang tugasnya. Sepanjang tahun 2020, sebanyak lapan (8) kursus telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 346 orang pegawai Skim Perkhidmatan Gunasama JAKIM.

Bil.	Kursus	Pelaksanaan
(a)	Taklimat Pemeriksaan Aset & Verifikasi Stor	Tarikh: 4 Februari 2020 Tempat: Bilik Seminar Al-Baiyinah, Aras 5, Blok B, JAKIM, KIP Kehadiran: 50 orang
(b)	Kursus Pengurusan Kewangan Berintegriti JAKIM 2020	Tarikh: 19 - 20 Februari 2020 Tempat: Teater Mini Luqman , Aras 2, Blok A, JAKIM, KIP Kehadiran: 50 orang
(c)	Kursus Menjana Motivasi Memupuk Pekerja Cemerlang JAKIM 2020	Tarikh: 16 Julai 2020 Tempat: Bilik Seminar Al-Baiyinah, Aras 5, Blok B, JAKIM, KIP Kehadiran: 45 orang

(d)	Kursus Pengurusan Penamatan Perkhidmatan JAKIM 2020	Tarikh: 22 - 23 Julai 2020 Tempat: Bilik Seminar Al-Baiyinah, Aras 5, Blok B, JAKIM, KIP Kehadiran: 52 orang
(e)	Kursus Pengurusan Rahsia Rasmi bagi Pendaftar Kecil Rahsia JAKIM 2020	Tarikh: 5 - 6 Ogos 2020 Tempat: Bilik Seminar Al-Baiyinah, Aras 5, Blok B, JAKIM, KIP Kehadiran: 57 orang
(f)	Kursus Pegawai Keselamatan Jabatan & Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan JAKIM 2020	Tarikh: 7 - 8 September 2020 Tempat: Hotel Pulse Grande, Putrajaya Kehadiran: 42 orang
(g)	Kursus Peningkatan Produktiviti & Pemantapan Kendiri JAKIM 2020	Tarikh: 30 - 1 Oktober 2020 Tempat: Ruang Legar, Aras 8, Blok B, JAKIM, KIP & FRIM Kepong Kehadiran: 47 orang
(h)	Bengkel Pemurnian Data Sistem Pengurusan Aset JAKIM 2020	Tarikh: 5 - 8 Oktober 2020 Tempat: Bilik Simulasi, Aras 5, Blok A, JAKIM, KIP Kehadiran: 23 orang

### Kursus Menjana Motivasi Memupuk Pekerja Cemerlang JAKIM 2020



### Kursus Pengurusan Penamatan Perkhidmatan JAKIM 2020



### Kursus Pegawai Keselamatan Jabatan & Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan JAKIM 2020



### Kursus Peningkatan Produktiviti & Pemantapan Kendiri JAKIM



### Kursus Pengurusan Rahsia Rasmi Bagi Pendaftar Kecil Rahsia JAKIM 2020



### Bengkel Pemurnian Data Sistem Pengurusan Aset JAKIM 2020



### Taklimat Pemeriksaan Aset dan Stor JAKIM 2020



## PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

### Seksyen Pembangunan Organisasi Dan Perjawatan



**Gambar Atas:** Encik Anuar bin Ismail melapor diri bertugas dengan YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan



**Gambar Atas:** Puan Adawiah binti Lias melapor diri bertugas dengan YBrs. Dr. Nordin bin Ahmad, Pengarah Kanan Institut Latihan Islam Malaysia.

### Sesi Lapur Diri Penempatan dan Pertukaran Pegawai Secara Atas Talian Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diisytiharkan oleh Kerajaan pada bulan Februari 2020 akibat pandemik Covid-19, yang turut melarang pergerakan rentas negeri dan perhimpunan ramai. Atas kekangan tersebut BPSM telah mengambil inisiatif untuk mengadakan sesi lapor diri pegawai yang bertukar ke JAKIM dan penempatan serta pemangkuan sebilangan pegawai pada bulan April dan Mei 2020 secara atas talian. Sesi lapor diri tersebut telah melibatkan Pengarah bahagian dan pegawai baharu serta turut disaksikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), JAKIM dan wakil Bahagian Pengurusan Sumber Manusia selaku urus setia.



## Mesyuarat Kajian Penstrukturan Semula JAKIM 2020

JAKIM telah melaksanakan penyusunan semula struktur dan fungsi organisasi (redeployment) berkuat kuasa 1 Disember 2018. Setelah satu (1) tahun pelaksanaan, BPSM perlu melihat semula pelaksanaan redeployment ini dengan membuat pengemaskinian fungsi-fungsi dan struktur Bahagian/Unit di JAKIM agar selaras dengan Pelan Strategik JAKIM 2019 – 2025. Mesyuarat Kajian Penstrukturan Semula JAKIM 2020 telah diadakan pada 24 hingga 26 Julai 2020 di Hotel Pantai Puteri, Melaka. Mesyuarat ini telah dihadiri seramai 75 orang pegawai meliputi wakil semua bahagian di JAKIM.



**Gambar Kiri: Pengurusan Tertinggi JAKIM sedang menekuni sesi pembentangan rumusan cadangan mengikut Sektor.**



**Gambar Kanan: Sesi perbincangan dalam kumpulan mengikut Sektor.**



**Majlis Perasmian  
Pembukaan Mesyuarat  
Kajian Penstrukturan Semula  
JAKIM 2020**



## Sesi Libat Urus Penstrukturan Semula JAKIM 2020

Hasil cadangan yang telah dibentangkan oleh setiap Sektor semasa Mesyuarat Mesyuarat Kajian Penstrukturan Semula JAKIM 2020 di Hotel Pantai Puteri, Melaka, BPSM telah mengadakan sesi libat urus dengan setiap Bahagian bagi meneliti secara terperinci setiap cadangan bahagian agar selaras dengan Pelan Strategik JAKIM 2019 – 2025.



Sesi Libat Urus ini telah diadakan secara empat (4) fasa merangkumi empat (4) sektor di JAKIM dari 27 Julai hingga 18 Ogos 2020.

**Sesi Libat Urus dengan Bahagian Dakwah (gambar) dan Bahagian Penyiaran (gambar).**

## Seksyen Pentadbiran, Tatatertib Dan HRMIS

### Kunjungan Hormat Wakil AKRAB JAKIM ke BPSM pada 6 Mac 2020

Pada 6 Mac 2020 yang lalu, seramai tiga (3) orang wakil AKRAB JAKIM telah datang ke BPSM bagi sesi kunjungan hormat Pengarah baru BPSM. Tujuan kunjungan ini dilakukan adalah bagi menyampaikan hasrat dan harapan AKRAB JAKIM kepada BPSM untuk direalisasikan pada tahun 2020 dan seterusnya. BPSM di bawah kepimpinan Puan Azlin binti Azizan telah mengatur beberapa program penambahbaikan bagi memastikan peranan AKRAB di JAKIM dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya membantu warga ke arah kesejahteraan psikologi yang mampan.



### Program Retreat Halatuju AKRAB dan Kesejahteraan Psikologi JAKIM

Seiring dengan kemajuan dan cabaran persekitaran kerja yang semakin kompleks, peranan AKRAB JAKIM sebagai agen pemudahcara dilihat sangat signifikan dalam mempertingkatkan pembangunan modal insan Jabatan ini. Justeru itu, bagi memastikan AKRAB JAKIM sentiasa relevan dan bersedia dalam menghadapi cabaran, BPSM JAKIM dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menganjurkan Program Retreat Halatuju AKRAB & Kesejahteraan Psikologi JAKIM pada 6 dan 7 Ogos 2020 bertempat di Palm Garden, IOI Resort City, Putrajaya. Program ini telah dihadiri oleh seramai 22 orang ahli AKRAB yang telah ditauliahkan dan telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Ahmad Fuad bin Apandi, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), JAKIM.



## Kursus Pra AKRAB Tahap 1 JAKIM

Kursus Pra AKRAB Tahap 1 ini telah diadakan selama tiga (3) hari iaitu pada 21 hingga 23 September 2020 di Bilik Kuliah Masjid Putra. Seramai 29 orang peserta telah mengikuti kursus ini. Setiap peserta perlu mengikuti Kursus Pra AKRAB Tahap 1 dan 2 bagi ditauliahkan sebagai seorang Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB). Penganjuran kursus ini akan melahirkan lebih ramai ahli AKRAB yang bertauliah dan seterusnya bakal menjadi agen penyebarluas aspirasi kerajaan dengan menggunakan pendekatan psikologi dan kaunseling yang *humanistic* dan *holistic*.

## Seksyen Prestasi Dan Kenaikan Pangkat

### Sesi Penyerahan Surat Pemangkuan PHEI ke Gred S54

Pada bulan Januari dan Februari 2020, seramai tiga (3) orang Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S52 telah menerima pemangkuan ke Gred S54. Pegawai-pegawai yang terlibat adalah Encik Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim, Encik Jamali bin Mohd Adnan dan Encik Hanifuddin bin Roslan. Surat pemangkuan telah disampaikan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).


### Surat Pemangkuan PHEI ke Gred S44

Pada 11 Februari 2020, Ketua Pengarah JAKIM telah menyempurnakan penyampaian surat pemangkuan kepada 70 orang Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41. Keceriaan dapat dilihat pada sebahagian pegawai-pegawai ini yang mula memangku Gred S44 pada 17 Februari 2020. Tanggungjawab yang lebih besar dan berat diterima dengan hati terbuka.



## Sesi Penyerahan Surat Pemangkuan PHEI ke Gred Utama B

YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh diberikan pemangkuan di Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA)B dan ditempatkan sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM berkuatkuasa mulai 1 April 2020



## Urusan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Tempoh PKP 2020

Semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), beberapa pegawai skim HEI telah menerima kenaikan pangkat dan pemangkuan seperti berikut:

### Pemangkuan

Bil.	Gred	Jumlah
1.	Pemangkuan Gred S52 ke Gred S54	1 Pegawai
2.	Pemangkuan Gred S48 ke Gred S52	9 Pegawai
3.	Pemangkuan Gred S44 ke Gred S48	11 Pegawai

### Kenaikan Pangkat

Bil.	Gred	Jumlah
1.	Kenaikan Pangkat Gred S52 ke Gred S54	12 Pegawai
2.	Kenaikan Pangkat Gred S48 ke Gred S52	13 Pegawai
3.	Kenaikan Pangkat Gred S44 ke Gred S48	21 Pegawai
4.	Kenaikan Pangkat Gred S41 ke Gred S44	162 Pegawai



Pegawai-pegawai ini ditempatkan di pelbagai Bahagian/Agensi termasuk kader.

### Sesi Penyampaian Surat Pelantikan Pengarah Bahagian Keluarga Sosial & Komuniti (KSK)

YBrs. Dr. Lokman telah menerima pelantikan sebagai Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial & Komuniti



# JAKIM SABAH

## PROGRAM MENYANTUNI FRONTLINERS COVID-19 DI REDZONE 1.0 NEGERI SABAH

Objektif program ini diadakan untuk menyantuni *frontliners* dengan mengagihkan sumbangan berupa makanan berbungkus sebagai tanda penghargaan di atas jasa mereka dalam menjalankan tugas. Sumbangan telah diserahkan oleh Pengarah JAKIM Sabah, Ustaz Norjeli bin Haji Dais diiringi oleh Penolong Pengarah Kanan, Ustaz Alamin bin Majok serta Penyelia Kafa dan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah kepada penduduk. Daerah yang terlibat dalam program ini melibatkan Kota Kinabalu, Tuaran, Papar, Kunak, Semporna, Sandakan dan Lahad Datu.



Penyampaian Sumbangan  
Kepada *Frontliners*



## PROGRAM KAFA JAKIM SABAH: ANUGERAH KECEMERLANGAN UPKK DAERAH TUARAN DAN TAMPARULI

Anugerah Kecemerlangan UPKK disampaikan oleh Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama), YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, YBhg. Datuk Abdul Aziz Bin Jusoh dan Pengarah JAKIM Cawangan Sabah, Ustaz Norjeli Bin Haji Dais kepada 62 orang pelajar UPKK 2019 di daerah Tuaran dan Tamparuli pada 24 September 2020 yang diadakan di masjid An-Nur Tuaran Sabah. Objektif program ini diadakan bertujuan untuk beramah mesra dengan guru-guru KAFA yang berbakti kepada masyarakat serta merai dan menghargai pelajar UPKK yang cemerlang dalam peperiksaan.



Penyampaian anugerah kepada calon UPKK 2019 dan bersama guru-guru KAFA Daerah Tuaran dan Tamparuli

Ramah mesra bersama Guru KAFA

## PENGURUSAN JENAZAH COVID-19

Dalam keadaan kes Covid-19 yang semakin meningkat di seluruh negara dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan, JAKIM Sabah turut menyumbang bakti dengan menguruskan dalam kalangan kakitangan JAKIM Sabah, JHEAINS dan BAKA. Mereka sentiasa bersedia memberi khidmat menguruskan jenazah Covid-19 sejak awal tahun 2020 hingga kini dengan prosedur pengurusan jenazah yang ketat dan dipantau oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Mereka sanggup berpanas lelah membanting tulang melaksanakan fardhu kifayah yang tidak semua orang mampu melaksanakannya.





# JAKIM SARAWAK

## MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN MUSA'ADAH COVID-19 OLEH YANG BERHORMAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA) DI SIBU SARAWAK

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) telah menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan Musa'adah Covid-19 kepada 250 orang komuniti setempat yang terdiri daripada golongan B40 yang memerlukan dan mereka yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Majlis yang dilaksanakan di Masjid Babussalam, Kampung Jeriah, Sibul pada 16 September 2020 ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ahmad Shukri Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pungutan Zakat MAIWP dan Puan Parihah Hasan, Pemangku Ketua Pengarah YaPEIM.

**YB Menteri menyampaikan sumbangan keperluan asas dapur kepada penerima**



**Penganjur dan penerima bergambar kenangan bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)**

## JAKIM SARAWAK DINOBATKAN ANUGERAH KHAS SEMPENA MAJLIS PENGHARGAAN KHAS MAJLIS ISLAM SARAWAK SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1442H/2020M PERINGKAT NEGERI SARAWAK

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah diberi penghargaan dengan menerima Anugerah Khas Agensi dalam Majlis Penghargaan Khas Majlis Islam Sarawak sempena Sambutan Maulidur Rasul 1442H/2020M Peringkat Negeri Sarawak pada 30 Oktober 2020. Pengiktirafan ini merupakan satu anugerah yang amat membanggakan JAKIM Sarawak selaku Agensi Persekutuan yang sentiasa bersama-sama agensi negeri dalam menyampaikan sumbangan dan menyantuni golongan yang memerlukan terutamanya sepanjang pandemik Covid-19.

Majlis yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam & DBKU) dan Menteri Muda Utiliti (Air) serta turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Datu Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak dan seluruh Ketua Agensi Islam di Sarawak. Yang Berusaha Al-Fadhil Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak mewakili Jabatan menerima cenderamata khas serta wang tunai berjumlah RM 5,000.00 di atas pengiktirafan tersebut.



Yang Berusaha Al-Fadhil Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak menerima *mock cheque* dan plak iringan daripada Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam & DBKU) dan Menteri Muda Utiliti (Air)

## PROGRAM SEMARAK CINTA RASUL JAKIM SARAWAK

Sempena Sambutan Maulidur Rasul Tahun 1442H/2020M, sekali lagi JAKIM Sarawak mengambil peluang menyantuni rakan-rakan penjawat awam dan barisan hadapan dengan membuat pengagihannya 1200 bungkusan jamuan di 2 lokasi berbeza iaitu Bangunan Sultan Iskandar dan Bangunan Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kuching. YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak menyempurnakan simbolik penyampaian sumbangan ini dengan penyerahan juadah kepada YBhg. Datuk Haji Mohd Shahabuddin bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak.



**Petugas JAKIM Sarawak bergambar kenangan bersama Setiausaha Persekutuan Sarawak**



**Petugas JAKIM Sarawak menyampaikan sumbangan kepada wakil Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak**



**Petugas JAKIM Sarawak menyampaikan sumbangan di Pejabat Majlis Islam Sarawak**

# BAHAGIAN KEWANGAN

## LATAR BELAKANG

Pengurusan Kewangan adalah salah satu aspek penting dalam tadbir urus sesebuah Jabatan bagi memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagih secara teratur mengikut kepentingan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi tujuan ini, Bahagian Kewangan melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2020 telah berjaya memastikan peruntukan yang telah diluluskan dibelanjakan secara berhemah, telus dan menumpu kepada *core business* dan sumbangan Jabatan kepada keutamaan nasional. Terdapat dua cawangan di Bahagian Kewangan seperti berikut:

# 01

### Cawangan Kewangan

- Unit Bajet
- Unit Perolehan
- Unit Bayaran dan Akaun

# 02

### Cawangan Pembangunan

- Unit Pembangunan
- Unit Pentadbiran

## PENGURUSAN BELANJAWAN TAHUN 2020

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerima sebanyak RM844,407,175.00 bagi tujuan Belanjawan tahun 2020. Di bawah Belanja Mengurus, JAKIM menerima peruntukan berjumlah RM830,480,198.00 dan RM13,926,977.00 bagi Belanja Pembangunan.

## PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS JAKIM TAHUN 2020

Prestasi Perbelanjaan Mengurus JAKIM Tahun 2020 berdasarkan Laporan A499 - Penyata Lengkap Perbelanjaan Mengurus Bulan 12 pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

DASAR	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
Dasar Sedia Ada	797,755,288.00	792,486,835.92	5,264,812.08	99.34
One Off Luar Negara	43,910.00	43,909.06	0.94	100

One Off Elaun Kakitangan Kontrak	32,681,000.00	32,480,547.86	200,452.14	99.39
<b>Jumlah</b>	<b>830,480,198.00</b>	<b>825,011,292.84</b>	<b>5,465,265.16</b>	<b>99.35</b>

## PENGURUSAN PEROLEHAN TAHUN 2020

Segala urusan yang melibatkan perolehan di Jabatan dijalankan oleh Unit Perolehan. Unit ini bertanggungjawab memastikan agar semua urusan perolehan dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi tatacara kewangan yang berkuatkuasa. Secara keseluruhan, sepanjang tempoh 2020, JAKIM telah melaksanakan sebanyak 73 perolehan yang melibatkan jumlah besar perbelanjaan adalah RM28,467,498.24. Perincian lanjut mengenai kaedah perolehan adalah seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Bil. Perolehan	Nilai Perolehan (RM)
Tender	8	16,423,881.96
Sebutharga	65	12,043,616.28
<b>JUMLAH</b>	<b>73</b>	<b>28,467,498.24</b>

## PERINCIAN TENDER

PTJ	Status Pelaksanaan Perancangan Tender															Lain-lain (Nyatakan: cth-dibatalkan) Bil.
	Perancangan Tahunan Keseluruhan			Belum Ditender			Belum Dikeluarkan Surat Setuju Terima			Telah Dikeluarkan Surat Setuju Terima						
	Bekalan	Perkhidmatan	Kerja	Bekalan	Perkhidmatan	Kerja	Bekalan	Perkhidmatan	Kerja	Syarikat Bumiputra		Syarikat Bukan Bumiputra		Jumlah Besar		
	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Jum. Nilai Perolehan	Bil.	Jum. Nilai Perolehan	Bil.	Jum. Nilai Perolehan	
IBU PEJABAT	0	13	0	0	6	0	0	2	0	4	11,544,744.37	0	-	4	11,544,744.37	1
JAKIM CAWANGAN SABAH	0	4	0	0	4	0	0	0	0	0	-	0	-	0	-	-
JAKIM CAWANGAN SARAWAK	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	-	0	-	0	-	1
MASJID NEGARA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	-	0	-	0	-	-
MASJID PUTRA	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	2,893,871.23	0	-	1	2,893,871.23	-
MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	-	0	-	0	-	-
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA	0	2	0	0	0	0	0	0	0	2	1,004,503.48	0	-	2	1,004,503.48	-
DARUL QURAN	0	3	0	0	2	0	0	0	0	1	980,762.88	0	-	1	980,762.88	-
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>24</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>8</b>	<b>16,423,881.96</b>	<b>0</b>	<b>0.00</b>	<b>8</b>	<b>16,423,881.96</b>	<b>2</b>

## PERINCIAN PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

PTJ	Status Pelaksanaan Perancangan Sebut Harga																Lain-lain (Nyatakan, sbb dibatalkan)
	Telah Sebut Harga																
	Perancangan Tahunan Keseluruhan			Belum Dipelawa			Belum Dikeluarkan Surat Sebulu Terima/ Pesanan Tempatan/ Inden			Telah Dikeluarkan Surat Sebulu Terima/ Pesanan Tempatan/ Inden							
	Bekalan		Perkhidmatan	Kerja		Bekalan		Perkhidmatan	Kerja	Syarikat Bumiputra		Syarikat Bukan Bumiputra		Jumlah Besar			
Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Jum. Nilai Perolehan	Bil.	Jum. Nilai Perolehan	Bil.	Jum. Nilai Perolehan	Bil.	
IBU PEJABAT	42	79	2	33	49	2	0	3	0	21	3,543,424.76	7	857,906.51	28	4,401,331.27	8	
JAKIM CAWANGAN SABAH	6	2	0	4	1	0	0	0	0	3	355,629.80	0	-	3	355,629.80	0	
JAKIM CAWANGAN SARAWAK	0	8	0	0	0	0	0	0	0	2	378,669.60	3	353,708.00	5	732,377.60	3	
MASJID NEGARA	0	3	0	0	0	0	0	0	0	3	174,425.00	0	-	3	174,425.00	0	
MASJID PUTRA	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	200,500.00	0	-	1	200,500.00	0	
MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN	0	2	0	0	0	0	0	0	0	2	988,068.24	0	-	2	988,068.24	0	
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA	0	18	1	0	0	0	0	0	0	19	4,707,254.37	0	-	19	4,707,254.37	0	
DARUL QURAN	0	4	0	0	0	0	0	0	0	4	484,030.00	0	-	4	484,030.00	0	
<b>JUMLAH</b>	<b>48</b>	<b>117</b>	<b>3</b>	<b>37</b>	<b>50</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>55</b>	<b>10,832,001.77</b>	<b>10</b>	<b>1,211,614.51</b>	<b>65</b>	<b>12,043,616.28</b>	<b>11</b>	



## PENGURUSAN AKAUN AMANAH TAHUN 2020

Akaun Amanah di bawah JAKIM ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan, 1957. Jawatankuasa bagi kesemua akaun amanah tersebut adalah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri. Kedudukan baki akaun-akaun amanah tersebut sehingga 31 Disember 2020 adalah sepertimana berikut:

AKAUN AMANAH	BAKI AWAL (A)	TERIMAAN (B)	PERBELANJAAN TERKUMPUL (C)	BAKI DIBAWA KE HADAPAN D=A+B-C
JAKIM (82305)	14,095,510.07	2,190,381.46	4,776,570.15	11,509,321.38
Masjid Negara (82301)	2,247,458.22	1,169,107.70	1,081,461.48	2,413,328.22
Masjid Putra (82331)	2,161,547.15	467,416.18	357,478.72	2,271,484.61
Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (82341)	1,161,533.44	664,702.00	479,671.40	1,353,432.81
Darul Quran (82334)	1,458,461.19	569,432.60	460,447.45	1,569,130.94
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>21,124,510.07</b>	<b>5,061,039.94</b>	<b>7,155,629.20</b>	<b>19,116,697.96</b>

# PENAMBAHBAIKAN DAN PENYEDIAAN PERATURAN, GARIS PANDUAN DAN ARAHAN BAHAGIAN KEWANGAN

Dalam usaha meningkatkan kemahiran dan pemahaman di kalangan pegawai yang terlibat di dalam pengurusan kewangan jabatan, antara perkara yang ditumpukan pada tahun 2020 ialah penambahbaikan dan penyediaan peraturan, garis panduan dan arahan Bahagian Kewangan yang berkaitan dengan pelbagai skop kewangan agar semua pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan memahami tatacara kewangan yang berkaitan.



## LAPORAN PRESTASI PROJEK PEMBANGUNAN JAKIM DI BAWAH ROLLING PLAN KEEMPAT (RP4) RMKE- 11 (2020)

### Projek, Siling Dan Peruntukan Rp4 (2020) RMKE-11

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), projek-projek di bawah Peruntukan Pembangunan (DE) telah diagihkan melalui *Rolling Plan* (RP) yang dilaksanakan secara dua tahun sekali. Pada tahun 2020, segala peruntukan pembangunan diagihkan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4).

JAKIM telah diluluskan sebanyak 14 projek dengan keseluruhan peruntukan sebanyak RM20,338,500.00. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN ASAL 2020 (RM)
1.	Pembinaan Ilaj Home, Mukim Bandar, Kuala Lumpur.	1,000,000.00
2.	Pembinaan Masjid Kampung Sg. Bedaun, Labuan.	5,000,000.00
3.	Membaik Pulih dan Menaik Taraf Masjid Negara, Kuala Lumpur.	1,000,000.00
4.	Pembinaan Blok Akademik dan Blok Asrama Darul Quran, JAKIM Kuala Kubu Bharu, Selangor.	500,000.00
5.	Membaik Pulih dan Menaik Taraf Masjid Putra, Putrajaya.	3,000,000.00
6.	Pembinaan Fasa Kedua Institut Kemahiran Islam Sarawak .	500,000.00
7.	Pembinaan Fasa Kedua Pusat Latihan Lawas, Sarawak .	500,000.00
8.	Pembinaan Gudang Eksibit Halal, JAKIM.	2,900,000.00
9.	Menaik Taraf Kubah dan Bumbung Utama di Masjid Negara.	3,000,000.00
10.	Program Kesedaran Pensijilan Halal Malaysia.	188,500.00
11.	Naik Taraf Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM).	2,000,000.00
12.	Pembangunan Dasar Halal Negara.	100,000.00
13.	Pembangunan Pusat Data (Sistem Maklumat Bersepadu Halal).	350,000.00
14.	Program Pengantarabangsaan Pengetahuan Pensijilan Halal Malaysia.	300,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>20,338,500.00</b>



**Senarai Program/Projek, Peruntukan Dan Perbelanjaan JAKIM Sehingga 31 Disember 2020 Adalah Seperti Berikut:-**

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	% BELANJA
1.	Pembinaan Ilaj Home, Mukim Bandar, Kuala Lumpur.	1,000,000.00	5,000,000.00	4,981,160.18	99.62
2.	Pembinaan Masjid Kampung Sg. Bedaun, Labuan.	5,000,000.00	3,240,012.00	3,240,000.00	99.9
3.	Membaik Pulih dan Menaik Taraf Masjid Negara, Kuala Lumpur.	1,000,000.00	10.00	0.00	100
4.	Pembinaan Blok Akademik dan Blok Asrama Darul Quran, JAKIM Kuala Kubu Bharu, Selangor.	500,000.00	7,818.00	7,808.00	99.8
5.	Membaik Pulih dan Menaik Taraf Masjid Putra, Putrajaya.	3,000,000.00	3,306,917.72	3,300,792.71	99.8
6.	Pembinaan Fasa Kedua Institut Kemahiran Islam Sarawak .	500,000.00	1,372,637.28	1,372,637.28	100
7.	Pembinaan Fasa Kedua Pusat Latihan Lawas, Sarawak .	500,000.00	129,446.00	129,433.60	99.9
8.	Pembinaan Gudang Eksibit Halal, JAKIM.	2,900,000.00	433,960.00	413,668.20	95.3
9.	Menaik Taraf Kubah dan Bumbung Utama di Masjid Negara.	3,000,000.00	14,550.00	14,550.00	100
10.	Program Kesedaran Pensijilan Halal Malaysia.	188,500.00	260,000.00	219,770.00	84.5
11.	Naik Taraf Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM).	2,000,000.00	10.00	0.00	100
12.	Pembangunan Dasar Halal Negara.	100,000.00	10.00	0.00	100
13.	Pembangunan Pusat Data (Sistem Maklumat Bersepadu Halal).	350,000.00	10.00	0.00	100
14.	Program Pengantarabangsaan Pengetahuan Pensijilan Halal Malaysia.	300,000.00	10.00	0.00	100
15.	Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Ar-Rahah, Kerinchi, Kuala Lumpur		161.768.00	161.767.68	99.99
<b>JUMLAH</b>		<b>15,186,000.00</b>	<b>19,542,868.00</b>	<b>19,542,818.58</b>	<b>99.39%</b>

\* Kod Butiran Projek Pembinaan SRA Ar-Rahah diwujudkan untuk tujuan pembayaran Akaun Muktamad

## Aktiviti/Program/Majlis Tahun 2020

Lawatan kerja oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), Jabatan Perdana Menteri (JPM), YBhg. Dato' Sallehuddin bin Hassan ke Projek Pembinaan Masjid Kampung Sungai Bedaun, Labuan pada 18 Februari 2020.





Lawatan pemantauan projek oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB. Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri ke tapak Projek Pembinaan Ilaj Home, Mukim Bandar, Kuala Lumpur pada 26 November 2020

Lawatan pemantauan projek oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB. Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri ke tapak Projek Pembinaan Ilaj Home, Mukim Bandar, Kuala Lumpur pada 26 November 2020.



# DAKWAH DAN MEDIA

---



# BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

## PEMBANGUNAN BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM) UNTUK PROGRAM-PROGRAM JAKIM

Pada tahun 2020, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) banyak menguruskan penyediaan *video conference* berikutan pandemik Virus Covid-19 yang melanda seluruh negara (dan dunia) bermula semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Permintaan *video conferencing* mendapat permintaan yang tinggi terutama mesyuarat yang melibatkan pengurusan tertinggi JAKIM berikutan norma baru di mana kebanyakan kakitangan JAKIM bekerja dari rumah (BDR). Jumlah *video conference* yang melibatkan bantuan teknikal BPM adalah seperti berikut :

Bulan	Jumlah
April	13
Mei	8
Jun	8
Julai	10
Ogos	10
September	12
Oktober	9
November	23
Disember	22
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>115</b>

## PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT JAKIM 2020-2025

Pelan Strategik ICT (PSICT) adalah *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT yang kos efektif dan selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi JAKIM. ICT kini telah mendominasi sebagai saluran media utama global. Justeru, JAKIM sedar bahawa ICT amat perlu dimanfaatkan bukan sekadar sebagai pengupaya (enabler) malah menjadi komponen paling strategik dalam pelaksanaan fungsi JAKIM dan pencapaian visi dan misinya, apatah lagi dalam konteks era globalisasi dan dunia tanpa sempadan sekarang ini dalam mengharungi revolusi IR4.0. Selaras dengan itu, PSICT JAKIM 2020-2015 disediakan bertujuan untuk membantu jabatan menghadapi isu dan cabaran masa kini dan akan datang.

PSICT ini digubal oleh Pasukan Pembangunan PSICT JAKIM yang telah dilantik terdiri daripada pelbagai lapisan warga kerja jabatan. PSICT ini mengambil masa selama 14 bulan untuk dibangunkan bermula pada bulan Ogos 2019 hingga Oktober 2020. PSICT dibangunkan secara dalaman dengan menggunakan khidmat nasihat Perunding ICT daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Beberapa siri bengkel telah diadakan sepanjang tempoh tersebut yang melibatkan proses pengumpulan maklumat, analisis persekitaran semasa bisnes dan ICT, membincang dan memuktamadkan hala tuju strategik ICT, penetapan program dan aktiviti sehinggalah ke peringkat akhir iaitu penulisan PSICT.



# BAHAGIAN DAKWAH

## PROGRAM SANTUNI KOMUNITI MASYARAKAT SEJAHTERA MASJID AL- MUQARRABIN BANDAR TASIK SELATAN

**KUALA LUMPUR (23 DAN 24 OGOS 2020)** – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Dakwah telah menganjurkan Program Santuni Komuniti Masyarakat Sejahtera di Masjid Al-Muqarrabin, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur.

Majlis Perasmian bagi program yang berlangsung selama 2 hari ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan diiringi oleh YBhg. Datuk Haji Aziz bin Jusoh, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JAKIM. Turut hadir di Majlis Perasmian tersebut ialah YBrs. Tuan Haji Aziz bin Haji Mohamad, Pengarah Kanan, Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, YBrs. Tuan Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan YBrs. Ustaz Mohamad Ariff bin Abdul Samat, Pengerusi Masjid Al-Muqarrabin.



## PROGRAM SANTUNI KOMUNITI MASYARAKAT SEJAHTERA PERINGKAT NEGERI KELANTAN

**PENKALAN CHEPA, KELANTAN (3 - 5 SEPTEMBER 2020)** - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, dengan kerjasama Agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan telah mengadakan Program Santuni Komuniti Masyarakat Sejahtera peringkat Negeri Kelantan 2020. Program ini diadakan di Masjid As-Salam, Pengkalan Chepa, Kelantan yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam bin Tengku Abdul Aziz, Tengku Temenggong Kelantan, merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.



Penyampaian *Mock cheque* telah disampaikan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam bin Tengku Abdul Aziz, Tengku Temenggong Kelantan. Manakala, Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



Turut mengiringi bagi majlis tersebut ialah YBhg Datuk Abdul Aziz bin Jusoh, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM serta Al Fadhil Tuan Haji Muhammad Hana Pizi bin Abdullah, Imam Besar Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Turut hadir bersama menjayakan majlis tersebut ialah YBrs. Tuan Aziz bin Haji Mohamad, Pengarah Kanan, Bahagian Dakwah, JAKIM dan Al Fadhil Tuan Haji Osman bin Mat Zin, Imam Tua, Masjid As-Salam, Pengkalan Chepa, Kelantan.



## SEMINAR PENGHAYATAN ISLAM PENJAWAT AWAM PERINGKAT NEGERI PAHANG

**KUANTAN, PAHANG (1 SEPTEMBER 2020)** – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Dakwah dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) telah menganjurkan Seminar Penghayatan Islam Penjawat Awam Peringkat Negeri Pahang yang bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang. Majlis Perasmian Penutupan Seminar telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang diiringi oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir bersama meraikan Majlis tersebut ialah YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang dan YB Dato' Sri Dr. Sallehuddin Bin Ishak, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.



## PROGRAM GAGUH MAIJ YB TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA) BERSAMA MASYARAKAT ORANG ASLI RPS BANUN, GERIK, PERAK

**GRIK, PERAK (14 – 16 SEPTEMBER 2020)** - Program Gaguh Maij (Ziarah Harmoni) di Kampung Tebang Baru RPS Banun Grik, Perak Darul Ridzuan berjaya dilaksanakan dan berjalan dengan lancar. Program ini dirasmikan oleh YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir Exco Agama Islam Negeri Perak iaitu YB Tuan Mohd Akmal bin Haji Kamarudin, OBJ Meor Roslam Dato' Seri Hj Meor Ahmad Rashidi, Pengarah Kanan Bahagian Dakwah JAKIM, Tuan Haji Aziz bin Mohammad, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Perak, Ustaz Zakaria bin Abd Razak.

Pelbagai aktiviti telah diadakan, antaranya gotong royong mengecat Surau di KOA Tebang, kuiz agama, pertandingan menyempit dan tahsin surah Al Fatihah. Turut diadakan majlis syahadah dan meraikan pengislaman seramai tujuh orang saudara baru dan majlis akad nikah empat pasangan pengantin orang Asli yang disempurnakan oleh YB Ustaz Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Kadi Daerah Grik, Perak Darul Ridzuan. Turut diadakan acara simbolik penyempurnaan surau oleh tetamu kehormat.



# BAHAGIAN KEURUSETIAAN DAN HUBUNGAN LUAR

## MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN (MTHQK) TAHUN 2020

Seramai 109 peserta dari 14 buah negeri telah berhimpun dan memperdengarkan bacaan sepanjang 6 hari sempena penganjuran MTHQK Tahun 2020 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), Kota Kinabalu. Mereka membabitkan 28 qari dan qariah bagi kategori Tilawah serta 81 hafiz dan hafizah yang diadili 12 hakim tilawah dan 14 hakim hafazan. Majlis bertemakan "Negara Rahmah Ummah Sejahtera" itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Tun Dr Mahathir bin Mohamad pada 16 Februari dan Perasmian Penutupan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin pada 21 Februari 2020 (Jumaat).

### KEPUTUSAN JOHAN HAFAZAN AL-QURAN

#### Kategori 1 - 10 Juzuk

Muhammad Al-Jazari Bin Kuhammad Helmi (Kedah)  
Nurul Izzah Binti Mukhali (Sarawak)

#### Kategori 1 - 20 Juzuk

Sheikh Muhammad Aiman Hafiy Bin Hishamuddin (Terengganu)  
Putri Auni Khadijah Binti Mohd Hanif (Kelantan)

#### Kategori 1 - 30 Juzuk

Mohamad Hakim Bin Mohd Hisam (Kedah)  
Putri Aminah Binti Mohd Hanif (Kelantan)

### KEPUTUSAN JOHAN TILAWAH AL-QURAN

**Qari** - Muhammad Qayyim Nizar Bin Sarimi (Kelantan)  
**Qariah** - Puteri Kalimatul Azzua Binti Hamid (Perak)



Johan Qari Dan Qariah MTHQK 2020

## PROGRAM SEMARAK CINTA RASUL SEMPENA MAULIDUR RASUL SAW TAHUN 2020


JAKIM meneruskan usaha menyantuni masyarakat dalam memperingati detik bersejarah kelahiran Baginda Nabi SAW pada 29 Jun 2020 bersamaan 12 Rabiulawal 1442H tahun ini serta menghayati sirah dan sunnahnya dalam bentuk norma baharu melalui pelaksanaan Program Semarak Cinta Rasul SAW. Pelbagai aktiviti menarik telah disusun antaranya Program Bual Bicara Semarak Cinta Rasul, Pertandingan Video Kreatif, Penerbitan Buletin Khas, Penyampaian anugerah kepada tujuh orang tokoh iaitu seorang tokoh Anugerah Utama Semarak Cinta Rasul dan enam orang tokoh Anugerah Khas Semarak Cinta Rasul. Beberapa rancangan khas turut disiarkan bersempena Sambutan Maulidur Rasul SAW kali ini iaitu Forum Perdana Ehwat Islam Khas di TV1 bertemakan Ummah Rabbani Negara Harmoni, Kapsul Promo Video Khas Ibrah bertajuk "Muhammad", *Musical Talkshow*, "Kasih Junjungan" dan segmen khas menerusi rancangan Selamat Pagi Malaysia (TV1) dan Assalamualaikum (TV Alhijrah).



Semarak Cinta Rasul 2020

## PERSIDANGAN PENERUSI-PENERUSI JAWATANKUASA HAL EHWAL ISLAM (EXCO) SELURUH MALAYSIA TAHUN 2020

EXCO Tahun 2020 telah diadakan pada 23 November 2020, secara atas talian dengan menggunakan aplikasi 'Google Meet'. Persidangan ini telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwat Agama). Persidangan ini dihadiri oleh YB Menteri, YB Timbalan Menteri, Timbalan Ketua Pengarah JAKIM, Pengarah-Pengarah Kanan dan semua Exco Agama Negeri Seluruh Malaysia, secara atas talian. Beberapa keputusan dan kata sepakat telah diambil dan tindakan daripada pihak Persekutuan akan disusuli dengan peringkat Negeri bagi menjayakan kerjasama yang telah diperhalusi.



**Exco 2020 Dengan Aplikasi 'Google Meet'**

## PERTEMUAN MAYA NEGARA ANGGOTA MABIMS TAHUN 2020

Pertemuan Maya Negara Anggota MABIMS Tahun 2020 telah diadakan pada 28 Oktober 2020. Pertemuan kali ini dipengerusikan oleh Kementerian Agama Republik Indonesia. Tujuan pertemuan ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturrahim dalam kalangan negara anggota disamping berbincang dan bertukar pandangan dalam pengurusan hal ehwal Islam terutama dalam isu yang berkaitan pandemik Covid-19.

Pertemuan di peringkat Menteri negara anggota (MABIMS) telah dihadiri oleh YB Pehin Udana Khatib Dato Paduka Setia Ustaz Haji Awg Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Agama Negara Brunei Darussalam, YB Bapak Fachrul Razi, Menteri Agama Republik Indonesia, YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Malaysia dan YB Encik Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad, Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Islam Republik Singapura.

Pertemuan di peringkat Pegawai-pegawai Kanan MABIMS (SOMS), Malaysia telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Haji Abdul Aziz bin Jusoh, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) yang menanggung kerja Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Dato' Selamat bin Paigo, Pengarah kanan Bahagian Dasar Kemajuan Islam dan menjalankan tugas Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, serta pengarah kanan dan pengarah-pengarah bahagian yang lain.



**Pertemuan Maya MABIMS Berlangsung Dalam Suasana Norma Baharu**



**Pertemuan Maya MABIMS Berlangsung Dalam Suasana Norma Baharu**

# BAHAGIAN PENERBITAN

## BENGKEL PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Satu bengkel Pembangunan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia telah diadakan dengan kerjasama antara Bahagian Penerbitan JAKIM dan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Tujuan bengkel ini diadakan untuk membangunkan satu Modul Pengajaran dan Pembelajaran bagi kegunaan sekolah-sekolah Masalah Penglihatan sama ada sekolah Pendidikan Khas penuh ataupun sekolah Pendidikan Khas di bawah program integrasi Kementerian Pendidikan Malaysia dan pusat-pusat tahfiz yang melibatkan pelajar-pelajar yang bermasalah penglihatan di dalam subjek al-Quran dan Pendidikan Islam. Bengkel ini telah diadakan pada 23 hingga 25 September 2020 bertempat di The Regency Hotel Kuala Lumpur. Jumlah peserta pada bengkel kali ini seramai 20 orang yang melibatkan wakil dari KPM, JAKIM, USIM dan PERTIS.

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PEMENANG PERTANDINGAN SENI KHAT TULISAN JAWI PERINGKAT KEBANGSAAN SEMPENA MA'AL HIJRAH 1442H/2020M

Pertandingan Seni Khat Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan bersempena Ma'al Hijrah 1442H/2020M anjuran Bahagian Penerbitan, JAKIM dengan kerjasama Yayasan Dawah Islamiah Malaysia (YADIM) telah berjaya dilaksanakan dengan penerimaan sebanyak 252 penyertaan termasuk peserta bukan Islam dengan hadiah berupa wang tunai berjumlah RM13,000 untuk pemenang pertandingan ini. Tema "Ummah Rabbani Negara Harmoni" telah melayakkan Encik Muhammad Yazid bin Samsudin untuk merangkul gelaran Johan bagi pertandingan ini. Selain gelaran Naib Johan dimenangi oleh Encik Mohd Zulhelmi bin Mohd Sobri dari Negeri Sembilan dan tempat ketiga disandang oleh Encik Mohd Hiyamuddin bin Ramli dari Selangor. Bagi pemenang saguhati tempat keempat dan kelima telah diterima oleh Encik Muhammad Zikry bin Mohd Fauzi dan Encik Nik Abd. Rahman Zaki bin Nik Abdul Kadir yang masing-masing dari negeri Kelantan. Satu Anugerah Khas (Bukan Islam) telah diterima oleh Encik Ong Ma Vin dari Pulau Pinang. Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang Pertandingan Seni Khat Tulisan Jawi ini telah diadakan pada 27 Oktober 2020, bertempat di JAKIM Putrajaya yang telah disempurnakan oleh YB. Senator Datuk Dr. Zulikifli bin Muhammad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), dan turut hadir ialah YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh, Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM.



**Pemenang Pertandingan Seni Khat Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan Sempena Ma'al Hijrah 1442H/2020M**



**JUALAN KEDAI BUKU JAKIM 2020**

Laporan bagi pembelian buku-buku JAKIM sebagaimana yang telah direkodkan bermula dari Januari 2020 sehingga Disember 2020 (12 bulan) adalah sebanyak 11,159 naskhah, dengan jumlah jualan sebanyak RM248,936.05. Keseluruhan jumlah ini adalah jualan di kedai buku sahaja tanpa melibatkan sebarang jualan luar seperti pesta buku dan sebagainya. Maklumat terperinci bagi setiap bulan seperti dinyatakan dalam jadual di bawah:

BIL.	BULAN	NASKHAH	NILAI (RM)
1.	Januari	694	15,005.40
2.	Februari	2,632	56,083.20
3.	Mac	1,407	34,676.55
4.	April	PKP	PKP
5.	Mei	150	3,905.40
6.	Jun	373	9887.25
7.	Julai	662	14,657.45
8.	Ogos	438	9,934.65
9.	September	1,854	39533.15
10.	Oktober	533	12,262.95
11.	November	1,049	23,085.80
12.	Disember	1,367	29,904.25
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>11,159</b>	<b>248,936.05</b>

**Graf Jumlah Jualan Kedai Buku Jakim Bagi Tahun 2020**

## STATISTIK JUALAN KEDAI BUKU JAKIM TAHUN 2009-2020


Laporan bagi statistik jualan buku-buku JAKIM sebagaimana yang telah direkodkan bermula daritahun 2009 sehingga 2020 (12 tahun). Jumlah pada tahun 2020 masih berada di tahap sederhana sekalipun berlaku perintah kawalan pergerakan. Maklumat terperinci bagi setiap tahun adalah seperti dibawah:



Graf statistik Jualan Kedai Buku JAKIM Bagi Tahun 2009-2020



Koleksi Buku-Buku Jakim





# BAHAGIAN PENYIARAN

Bahagian Penyiaran telah melaksanakan peranannya dalam bidang dakwah penyiaran. Fungsi utama adalah membekalkan kandungan rancangan-rancangan agama di saluran TV dan Radio RTM. Ini adalah usaha JAKIM untuk memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 674 rancangan TV berkonsepkan bicarawara, majalah, pendidikan, dokumentari, hiburan Islam secara mingguan telah diterbitkan di saluran RTM. Jumlah penerbitan ini adalah tidak termasuk rancangan khas serta lain-lain kapsul khas yang diterbitkan oleh Bahagian ini dalam pelbagai bahasa termasuk Bahasa Mandarin dan Tamil. Rancangan-rancangan mingguan yang telah diterbitkan oleh Bahagian Penyiaran antaranya seperti berikut:


- 
- 01 Forum Perdana Ehwat Islam
  - 02 Fikrah
  - 03 Tilawah Interaktif
  - 04 Ilmu Aqaaid
  - 05 MyHalal
  - 06 Persada Jurnal
  - 07 Mau'izah
  - 08 Tajdid Ummah
  - 09 Solat Jumaat
  - 10 Anda Musykil
  - 11 Sinaran Rohani
  - 12 Tazkiyah
  - 13 Muqaddam
  - 14 Berita Hal Ehwat Islam

Selain menerbitkan rancangan secara mingguan, Bahagian Penyiaran juga telah menerbitkan rancangan khas seperti Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan, Program Semarak Cinta Rasul Sempena Maulidur Rasul SAW, Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan, Gema Takbir, Takbir Hari Raya serta lain-lain acara rasmi keagamaan yang dianjurkan oleh Kerajaan.

Mendepani arus media sosial semasa, Bahagian Penyiaran telah mengorak langkah dengan turut menyiarkan rancangan-rancangan TV di platform akaun rasmi Facebook dan Youtube JAKIM serta pautan MyKlik RTM. Perkembangan ini dapat memberikan alternatif baharu kepada masyarakat untuk memanfaatkan kandungan-kandungan rancangan berunsur Islamik, Bahagian Penyiaran juga melalui radio Salamfm telah bersiaran setiap hari bermula

jam 11.00 malam hingga 8.00 pagi dengan menyediakan pelbagai kandungan Islam serta penerangan dasar-dasar Kerajaan kepada masyarakat.

Pada masa yang sama, Bahagian Penyiaran turut membekalkan rancangan untuk disiarkan di saluran Radio RTM seperti Radio Nasionalfm, Klasikfm, Traxxfm, Aifm, Minnalfm dan Asyikfm. Rancangan yang diterbitkan ini meliputi pelbagai bahasa termasuk Bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil serta Semai, Temiar, Temuan, dan Jakun (dialek masyarakat Orang Asli). Antara rancangan tersebut adalah seperti berikut:



Selain itu, Bahagian Penyiaran juga berperanan menyediakan platform kepada para pendakwah yang terlibat dalam media untuk menyalurkan pandangan ke arah pemerkasaan program-program dakwah penyiaran. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

**Majlis Tausiyah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Bersama Pendakwah Selebriti**

**Tarikh : 24 Disember 2020 (Khamis)**

**Tempat : Pusat Konvensyen Movenpick Kompleks TH, KLIA Sepang, Selangor**



# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## PENDAHULUAN

Unit Komunikasi Korporat (UKK) JAKIM telah ditubuhkan bagi mewujudkan hubungan baik antara JAKIM dengan pihak awam dan media melalui mekanisme penyampaian maklumat perkhidmatan yang strategik, efektif, holistik dalam menguruskan maklumat berkaitan pengurusan hal ehwal Islam.

### Seksyen-Seksyen di Bawah UKK Jakim

01

Seksyen Pengurusan Komunikasi Strategik

03

Seksyen Pengurusan Pelanggan dan Aduan

02

Seksyen Pengurusan Hal Ehwal Korporat dan Media

04

Seksyen Pengurusan Berita, Bahan Kreatif dan Pentadbiran

## PENCAPAIAN UKK JAKIM TAHUN 2020

AKTIVITI	BILANGAN
Sidang Media JAKIM	35 kali
Kenyataan Media JAKIM	153 kenyataan
Lawatan pihak luar ke JAKIM	10 kali

Sidang media, kenyataan media dan lawatan pihak luar ke JAKIM:

BULAN	BILANGAN
Januari	5
Februari	17
Mac	13
April	12
Mei	6
Jun	17
Julai	48
Ogos	54
September	36
Oktober	17
November	10
Disember	10
<b>Jumlah</b>	<b>245</b>

Berita yang disiarkan di laman web / portal JAKIM:

BULAN	BILANGAN
Januari	50
Februari	85
Mac	82
April	96
Mei	70
Jun	102
Julai	98
Ogos	72
September	106
Oktober	86
November	84
Disember	212
<b>Jumlah</b>	<b>1143</b>

**Kekerapan aduan, pertanyaan dan maklum balas pelanggan yang diterima dan direkodkan:**

BULAN	BILANGAN
Facebook	813.1k <i>likers</i>
Twitter	32.8k <i>followers</i>
Instagram	111.7k <i>followers</i>
Telegram	15.6k <i>subscribers</i>
YouTube Channel	17.4k <i>subscribers</i>

Jumlah *likers* dan *followers* di media sosial rasmi JAKIM:

## Program Tahun 2020

Penerbitan bahan infografik semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Penerbitan bahan info grafik, iklan program, kempen kesedaran, kempen Cegah COVID-19 sempena PKP dan PKPB telah diterbitkan bertujuan memberikan informasi yang tepat kepada masyarakat. Sebanyak 248 penerbitan bahan infografik telah dikeluarkan sepanjang 2020 melalui pelbagai platform media sosial.



31.3.2020 - Majlis Penyerahan pelitup muka oleh Duta Besar China kepada YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) di JAKIM



19.8.2020 - Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1442H-2020M di Masjid Negara Kuala Lumpur



21-23.9.2020- Multaqa Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia tahun 2020 di Hotel Sama-Sama KLIA



2 - 4.10.2020 - Majlis Tilawah & Hafazan Al-Quran KAFA (MTHQK) Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 di Hotel Geno Shah Alam Selangor



27.10.2020 - Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang Pertandingan Khat Kebangsaan 1442H-2020M oleh YB.Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) di Aras 10 KIP



## Pertandingan Video Kreatif sempena Nuzul al Quran

UKK dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Yayasan Restu telah menganjurkan pertandingan ini. Hadiah Wang tunai secara keseluruhan sebanyak RM6000.00, simpanan Emas seberat 9 gm dan naskhah al-Quran Khas diberi kepada para pemenang.



Pertandingan ini dianjurkan bertujuan memupuk rasa cinta kepada baginda Rasulullah SAW dan mencungkil bakat kreatif dalam kalangan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa dalam mempromosikan rasa cinta kepada Rasulullah SAW. Pertandingan ini telah disertai seramai 207 peserta dari seluruh negara. Para pemenang telah menerima hadiah wang tunai secara keseluruhan sebanyak RM13,500.00 dan cenderhati dan disampaikan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



---

# **PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INSAN**



# INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS) SARAWAK

## WEBINAR PENDIDIKAN TINGGI ISLAM SARAWAK

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dengan kerjasama UNIMAS telah mengadakan Webinar Pendidikan Tinggi Islam Sarawak yang julung kali diadakan pada 17 November 2020. Seminar satu hari ini melibatkan dua program iaitu Pembentangan Kumpulan Kursus Sijil Eksekutif IKMAS/UNIMAS dan Wacana Pendidikan Tinggi Islam Sarawak bertajuk, "Pendidikan Tinggi Islam Sarawak: Cabaran dan Masa Depan". Program dimulakan dengan pembentangan kumpulan PnP IKMAS, iaitu sebanyak tujuh kumpulan yang membentangkan kertas kursus Sijil Eksekutif IKMAS/UNIMAS yang telah berlangsung selama 6 bulan setelah melalui 8 modul kursus PnP, IKMAS/UNIMAS, bermula dari bulan Jun sehingga November 2020.

Kemudian diikuti dengan Webinar Pendidikan Tinggi Islam Sarawak yang mengetengahkan tiga orang ahli panel yang tidak asing lagi dalam bidang pendidikan dan pengajian Islam, iaitu: Sahibus Samahah YBhg. Datu Haji Kipli bin Yasin (Mufli Negeri Sarawak), YBhg. Profesor Madya Dr Abdul Halim bin Hj Busari (Pengaroh PITAS UNIMAS), YBrS Dr. Muhammad Yamin bin Ismail (Pengaroh IKMAS) dan moderator Encik Muhamad Fadhli bin Ahmad (IKMAS). Antara objektif webinar ini ialah menyediakan satu platform keilmuan dalam norma baharu dalam konteks keilmuan dan penyebaran dakwah Islam kepada masyarakat awam secara tuntas dan pantas. Sehubungan itu, selari dengan objektif webinar tersebut, IKMAS bukan sahaja melengkapkan prasarana dari sudut infrastruktur fizikal, bahkan telah berjaya meningkatkan kemahiran serta membina kepakaran sumber manusia serta memastikan teknologi dan kurikulumnya berada pada tahap terbaik.

## SIJIL PROFESIONALISME IMAM NEGERI SARAWAK (SPINS) KALI KE-2

Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dengan kerjasama Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah berjaya melaksanakan Sijil Profesionalisme Imam Negeri Sarawak Kali ke-2 dengan penglibatan 9 orang Imam dari seluruh Bahagian Negeri Sarawak yang telah diadakan pada 10 Disember 2020 bertempat di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak. Program ini merupakan sebahagian dari usaha pihak kerajaan Negeri Sarawak untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran para imam ketika bertugas.



## KURSUS DAKWAH MEDIA SOSIAL

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah menganjurkan Kursus Dakwah Media Sosial selama 2 hari iaitu bermula 30 September 2020 hingga 1 Oktober 2020. Seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada pegawai, pensyarah dan kakitangan IKMAS telah menghadiri kursus ini. Antara objektif kursus ini ialah memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada para peserta mengenai dakwah melalui media sosial iaitu melahirkan dai'e yang mampu mempraktik dan mengaplikasikan teknologi maklumat bagi keperluan penambaan kandungan media sosial rasmi IKMAS. Bengkel ini juga bertujuan melatih dan memperkasa kemahiran pegawai, pensyarah dan kakitangan IKMAS dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi agar dapat menyumbang kepada kemajuan dakwah media sosial setempat. Penceramah yang terlibat dalam kursus ini ialah YBrs. Tuan Syahrul Nizam bin Junaini, pensyarah Fakulti Teknologi Maklumat UNIMAS.



## SESI SARINGAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2020M/1442H

Sesi Saringan Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Sarawak Bagi Tahun 2020M/1442H telah diadakan pada 28 September 2020 bertempat di Kamar Tun IKMAS. Sesi Saringan diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Ismawi Duet ini turut dihadiri oleh empat (4) orang pegawai JAIS. Manakala seramai sepuluh (10) orang pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat IKMAS telah menyertai saringan tersebut. Pelajar yang terpilih akan mewakili IKMAS ke peringkat negeri Sarawak yang akan diadakan pada hujung Oktober 2020.



## LIPUTAN IKMAS DI SUARA SARAWAK

Pada 24 Disember 2020 Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah menjalinkan kerjasama dengan Akhbar Suara Sarawak untuk menerbitkan berita mengenai program atau aktiviti yang di jalankan untuk berkongsi maklumat kepada masyarakat khususnya di negeri Sarawak. Pada penghujung tahun 2020, IKMAS telah menghantar empat (4) berita untuk perkongsian sebelum memasuki tahun 2021. Berita-berita adalah seperti berikut: Melabur kepada diri sendiri, Kemahiran Teknologi Bangunan Ikmas, Lawatan ke Kg Gayau, Sri Aman dan Sumbangan Foodbank YaPEIM 2.0. Para pembaca boleh mendapatkan berita penuh dengan memuat turun aplikasi Suara Sarawak.



## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT IKMAS JAKIM 1442H/2020M

Pada 30 Oktober 2020 bersamaan 13 Rabi'ulawwal 1442, IKMAS telah mengadakan sambutan Maulidur Rasul bertempat di Dataran IKMAS. Sambutan ini dihadiri oleh YBrs. Dr Muhamad Yamin bin Ismail Pengarah IKMAS, pegawai dan kakitangan serta pelajar IKMAS. Sambutan Maulidur Rasul kali ini di mulakan dengan bacaan doa, *tausiyah*, selawat, ucapan pengarah IKMAS dan salawat beramai-ramai. Sempena dengan sambutan ini pihak IKMAS berbesar hati menyampaikan sumbangan khidmat masyarakat kepada komuniti disekitar IKMAS dan diakhiri penyampaian hadiah pertandingan sepanduk antara pelajar IKMAS.




# INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM)

Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) merupakan sebuah pusat latihan Islam di peringkat persekutuan. Fungsi utama ILIM adalah merancang pembangunan latihan dan melaksanakan program latihan kepada pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (PHEI) di JAKIM dan juga di negeri-negeri. Sepanjang tahun 2020, ILIM telah melaksanakan sebanyak 346 program latihan yang melibatkan 11,493 orang peserta. Program-program tersebut telah dilaksanakan di enam buah kampus ILIM di seluruh Malaysia.

## JUMLAH PROGRAM ILIM 2020



Jumlah keseluruhan program/aktiviti ILIM bagi tahun 2020 mengikut kampus ILIM



### PERKHIDMATAN HAL EHWAL ISLAM EHWAL ISLAM

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri
- Agensi-agensi di bawah YB Menteri
- Kader JAKIM

### KEY COMMUNICATOR

- Ketua Masyarakat
- Imam
- Guru KAFA
- Guru Takmir
- Penggerak Masyarakat (PMOA/PMASK)

### PENJAWAT AWAM/ NGO's, BADAN SWASTA DAN IPT


- Kementerian/ Jabatan dan Agensi Kerajaan
- NGO's/Badan Berkanun/ Swasta
- IPTA/IPTS

### KOMUNITI DAN MASYARAKAT AWAM

Jumlah peratusan sasaran peserta kursus di ILIM

## PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN ILIM 2020

Program yang dilaksanakan di ILIM adalah berbentuk seminar, kursus, muhadharah perdana, diskusi, kelas pengajian dan bengkel-bengkel serta mesyuarat dalaman yang memenuhi keperluan sembilan bidang teras Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (PHEI).



Peratusan program ILIM berdasarkan bidang teras PHEI

## PENILAIAN KEBERKESANAN

ILIM berusaha untuk meningkatkan kualiti program sedia ada dan baharu melalui penilaian dengan melaksanakan kajian keberkesanan dan menambahbaik modul latihan disamping membangunkan modul baharu.



Senarai modul baharu dan semakan modul yang telah dilaksanakan di ILIM bagi tahun 2020



**Senarai kajian yang telah dilaksanakan terhadap kursus di ILIM bagi tahun 2020.**

## PENGIKTIRAFAN PERUNDING LATIHAN ISLAM

Bagi meningkatkan tahap profesionalisme perunding latihan, ILIM dalam usaha mendapatkan pengiktirafan Sijil Kejurulatihan Islam kepada perunding latihan. Semua perunding latihan dikehendaki menghadiri latihan kompetensi yang bersesuaian bagi meningkatkan keyakinan dan memperkasa keupayaan perunding latihan supaya program yang dikendalikan memberi impak yang tinggi kepada setiap peserta yang hadir. Program ini dianjurkan untuk latihan tenaga pengajar Institut Latihan Awam (ILA). Berikut adalah senarai kursus dan latihan yang telah dilaksanakan kepada perunding latihan ILIM pada tahun 2020.

NAMA KURSUS	TARIKH PERLAKSANAAN	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
Certified Profesional Educator Program : The Online and Hybrid Version (TTT)	10-12 Ogos 2020	ILIM	30
Bengkel Penulisan Artikel Dakwah Kreatif	27-28 Ogos 2020	ILIM	25
Kajian Kecerahan Langit dan Titik Waktu Solat	21-25 September 2020	Pulau Perhentian, Terengganu	8
Kursus Pengurusan Kewangan Islam	21-26 September 2020	Kuala Lumpur	2
Kursus Pembinaan Personaliti Perunding Latihan Profesional (Insan Super)	3 hari 2 malam 28-30 September 2020)	PNK Sepang Resort, Selangor	40
Training The Trainer : Gamifikasi Teknik dalam Kejurulatihan	3 hari 2 malam (12-14 Oktober 2020)	Port Dickson	30
Competency Based HRM	12-18 Oktober	USM Pulau Pinang	3



## PROGRAM BERIMPAK TINGGI ILIM 2020

### MUHADHARAH PERDANA ILIM SIRI 1/2020 : MENGGAJAI AL-FALAH 5 MAC 2020

Muhadharah ini bertujuan untuk memberi motivasi dalam meningkatkan kecemerlangan dari aspek pengurusan dan kepimpinan kepada penjawat awam. Beberapa kriteria telah digariskan oleh YBhg. Prof Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan, Fellow Tertinggi JAKIM untuk mencapai Al-Falah dalam kehidupan seorang mukmin



### MUHADHARAH PERDANA ILIM SIRI 2/2020: MENCORAK KEPIMPINAN DAN HALA TUJU PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM 18 OGOS 2020

YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam) telah menyentuh dan memberi penekanan penting kepada beberapa perkara berkaitan kepimpinan institusi agama pada masa kini serta tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh institusi agama dalam memperkasa Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (HEI).



### ROUND TABLE DISCUSSION (RTD): PEMERKASAAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) RABBANI PERINGKAT KEBANGSAAN 5-6 OGOS 2020

Persidangan ini diadakan bertujuan memperkasa masyarakat melalui institusi pentadbiran Islam agar cakna OKU dan mengupayakan komuniti OKU dalam merealisasikan konsep indahny hidup bertuhan



## PROGRAM LATIHAN KEPIMPINAN NOVEMBER-DISEMBER 2020


Penganjuran Senior Leadership Programme : Leading At The Peak dengan kerjasama Razak School of Government (RSOG) yang bertujuan untuk mengenal pasti pelapis-pelapis yang bakal memimpin JAKIM pada masa akan datang.



## LATIHAN SECARA NEW NORM : VIRTUAL LEARNING

Tahun 2020 telah menyaksikan pelbagai inovasi latihan telah dijalankan berikutan berlakunya pandemik Covid-19. Beberapa perancangan program secara bersemuka terpaksa ditangguhkan bagi mengelakkan berlakunya penularan jangkitan. ILIM sepertimana pusat-pusat latihan yang lain telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan kursus secara norma baharu melalui pelbagai aplikasi secara dalam talian dan hibrid.


## KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN BERLANDASKAN SYARIAH



## KELAS TAFAL QUHH FIDDIN



## KURSUS PEMIKIRAN ISLAM



# INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS)


## IPDAS KE ARAH PERSIJILAN ISO 21001:2018 (EDUCATIONAL ORGANIZATION) DAN 9001:2015 (QUALITY MANAGEMENT SYSTEM)

Sepanjang tahun 2020, IPDAS telah mengadakan 3 Bengkel ISO iaitu pada 24-27 Julai, 21-22 Oktober dan 28-29 Disember 2020. Pelaksanaan bengkel ini bertujuan untuk merealisasikan hasrat IPDAS untuk memperoleh persijilan ISO bagi meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan di IPDAS setaraf standard dan amalan antarabangsa. Selain itu, pelaksanaan ini juga dapat membantu meningkatkan tahap kecekapan, profesionalisme dan mengurangkan pembaziran dan kesilapan dalam menyalurkan perkhidmatan kepada masyarakat. Penganjuran bengkel ini diselia oleh perunding yang dilantik iaitu Puan Suhaini Hassan.



## SIJIL EKSEKUTIF PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN KERJASAMA IPDAS – UNIMAS

IPDAS dengan kerjasama Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FAKPM) dan Procel Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah berjaya mengadakan Sijil Eksekutif Pengajaran dan Pembelajaran (ECTL). Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pensyarah IPDAS dengan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran selaras dengan keperluan semasa. Kursus ini telah diadakan secara bermodul dan dilaksanakan secara terancang melalui kaedah bersemuka dan dalam talian. Sebanyak lapan (8) modul telah berjaya dilaksanakan merangkumi Pembelajaran Pengajian Tinggi, Pedagogi dan Andragogi, Pembelajaran dan Pengajaran Berkesan, Kepimpinan Pendidikan, ICT dan Pendidikan, Pentaksiran Pendidikan, Kajian Tindakan dan Seminar Pendidikan serta Latihan Mengajar. Seramai 42 pensyarah IPDAS Keningau dan Kudat telah menyertai ECTL ini.



## KONVENSYEN DAN WACANA INOVASI PENDIDIKAN TINGGI ISLAM SABAH 2020.

Konvensyen Inovasi Pendidikan Tinggi Sabah (KIPTS) dan Wacana Inovasi Pendidikan Tinggi Islam (WIPTIS) 2020 telah berjaya diadakan dengan kerjasama diantara IPDAS, UNIMAS dan PROCEL pada 19 November 2020. KIPTS adalah bertujuan untuk memberikan peluang kepada para pensyarah membentangkan hasil dapatan kajian tindakan yang dilaksanakan bagi memenuhi Modul Sijil Eksekutif Pengajaran dan Pembelajaran. Di samping itu, WIPTIS diadakan bertujuan untuk merungkai persoalan mengenai proses dan kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan dalam suasana Covid-19. Seramai 134 peserta dari JAKIM, IPDAS, IKMAS dan UNIMAS telah terlibat dalam program ini.



## BENGKEL PEDAGOGI PENGAJARAN MUALLAF IPDAS KAMPUS KUDAT

Pada 10 hingga 13 Julai 2020, IPDAS Kampus Kudat telah menganjurkan Bengkel Pedagogi Pengajaran Muallaf. Seramai 4 fasilitator dari Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu Kelantan dijemput dalam menayakan bengkel ini iaitu YBhg. Dr. Wan Anuar Bin Yaacob (Ketua Jabatan Kecemerlangan Akademik) Hj. Shaari bin Salleh (Ketua Jabatan Pendidikan Islam DG54), YBhg. Dr. Hj. Ridzuan bin Hj. Jusoh (Timbalan Ketua Jabatan Pendidikan) dan YBhg. Dr. Ab. Hamid bin Ali (Pensyarah Kanan, Pendidikan Islam). Bengkel ini merupakan program peningkatan pengetahuan dan pendedahan yang meluas dalam kemahiran teknik pedagogi ke arah mentransformasi pengajaran dan pembelajaran muallaf di IPDAS.



## KOLOKSIUM REVOLUSI PERINDUSTRIAN 4.0 DALAM PENDIDIKAN

Pada 10 hingga 11 Februari 2020, IPDAS telah berjaya mengadakan Kolokium Revolusi Perindustrian 4.0 (IR.4). Kolokium ini diadakan adalah bertepatan dengan perkembangan revolusi Perindustrian 4.0 yang telah memberi impak secara langsung dalam pelbagai sektor pendidikan negara. Seramai 100 peserta telah menghadiri program ini yang melibatkan penyertaan dari pensyarah IPDAS dan IKMAS serta pelajar IPDAS. Konvensyen ini juga telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Uda bin Sulai, Pembantu Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri.



## TAKLIMAT PEMBANGUNAN PORTAL MYIPDAS 2020

Pada 26 Jun 2020, IPDAS telah mengadakan Taklimat Pembangunan Portal MyIPDAS. Portal ini merupakan laman sesawang IPDAS yang pertama kali dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat, JAKIM. Melalui adaptasi portal ini dijangkakan pengurusan pelajar dan pengajian di IPDAS akan lebih teratur dan sistematik. Antara kandungan Portal dan Sistem MyIPDAS adalah seperti Maklumat Korporat IPDAS, Pengurusan Akademik, Pengurusan Hal Ehwal Pelajar, E-Pembelajaran, Pengurusan Alumni dan Pengurusan Konvokesyen.



## TRAINING OF TRAINERS (TOT) PENGAJIAN AL-QURAN DAN TAJWID KAEDAH AL-MATIEN

Pada 5 dan 6 September 2020, IPDAS telah mengadakan TOT Pengajian Al-Quran dan Tajwid Kaedah Al-Matien. Program ini adalah sebagai platform pemantapan pembacaan ayat suci al-Quran kepada para pelajar IPDAS dan persediaan pelajar menempuhi program Amali Dakwah. Program ini juga telah diselia oleh YBr. Ustaz Dr. Hj Mohd Zamri Bin Hj Mohd Zainudin dan diuruskan oleh Jabatan Al-Quran dan Sunnah IPDAS.





## KARNIVAL SYABAB 1.0 IPDAS 2020

Program Karnival Syabab dianjurkan sebelum pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi negeri Sabah, bertujuan bagi mencungkil bakat dan mengetengahkan atlet berpotensi di samping mengeratkan hubungan pelajar dan kakitangan.

Program ini berlangsung selama 4 hari pada 13 hingga 16 Oktober 2020 dan melibatkan 4 buah pasukan iaitu Rumah Biru, Rumah Hijau, Rumah Kuning dan Rumah Merah. Kerjasama semua pihak dalam mematuhi SOP membolehkan semua atlet-atlet yang terlibat menjuarai pertandingan yang di jalankan. Perasmian karnival ini telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Baharudin Bin Othman, Pengarah IPDAS.



## BAHAGIAN PENDIDIKAN

### MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN KAFA (MTHQK) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2020

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah berjaya menjadi tuan rumah kepada penganjuran program Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran KAFA (MTHQK) Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 yang telah berlangsung pada 2 hingga 4 Oktober 2020 bertempat di Grand Ballroom, Hotel Geno, Shah Alam Selangor. Penganjuran program MTHQK ini adalah acara tahunan yang merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan Ihtifal KAFA Kebangsaan (IKK).

Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Hadir sama Ketua Pengarah JAKIM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk, YBhg. Dato' Paimuzi bin Yahya, bersama Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh. Keputusan penuh MTHQK 2020 adalah seperti yang berikut:

### Kategori Tilawah al-Quran Lelaki

- 1. Johan : Mohamad Hazman Ilias (Kelantan)
- 2. Naib Johan : Ahmad Hazim Azrulrazi (Johor)
- 3. Tempat Ketiga : Ahmad Fahim Aminuddin (Pahang)

### Kategori Tilawah al-Quran Perempuan

- 1. Johan : Khairunnazifah Imani Ishak (Johor)
- 2. Naib Johan : Nor Afiqah Razali (Perak)
- 3. Tempat Ketiga : Nur Zaedatul Amni Mohamad Zaki (Kelantan)

### Kategori Hafazan al-Quran Lelaki

- 1. Johan : Muhammad Muqri Adham Musa (Selangor)
- 2. Naib Johan : Huzaifah Bokhori (Pulau Pinang)
- 3. Tempat Ketiga : Muhammad Lais Arsyad Lokman (Kelantan)

### Kategori Hafazan al-Quran Perempuan

- 1. Johan : Syifa' Nur Mardhiyyah Mohd Salihin (Pahang)
- 2. Naib Johan : Nur Aliyah Abdul Hakim (Perlis)
- 3. Tempat Ketiga : Aeysyah Syafirol (Johor)

Jumlah Keseluruhan : Negeri Johor

### Sekitar Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran KAFA (MTHQK) Peringkat Kebangsaan Tahun 2020



## AGIHAN PERUNTUKAN KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020

Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM telah mengagihkan RM100,000,000.00 bagi institusi pendidikan Islam sepanjang tahun 2020. Peruntukan ini membabitkan bantuan COVID-19 sebanyak RM18.6 juta dan peruntukan selenggara dan naik taraf institusi pendidikan sebanyak RM91.4 juta. Institusi pendidikan ini termasuklah institusi pondok, tahfiz dan sekolah agama.



Peruntukan khas ini disalurkan bagi memastikan institusi pendidikan Islam di negara ini sentiasa kekal berdaya saing selari dengan aspirasi negara untuk memartabatkan institusi pendidikan Islam. Dua (2) jawatankuasa diwujudkan iaitu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Induk Agihan Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan bagi memastikan proses agihan dibuat secara telus. Pemantauan dan pelaporan juga dibuat secara berkala bagi memastikan projek selenggara dan naik taraf institusi berjalan dengan lancar.



## KURSUS PENINGKATAN KOMPETENSI PENTAKSIRAN PENDIDIKAN GURU KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN (KAFA)

Pada tahun 2020, JAKIM melalui Bahagian Pendidikan telah mengadakan sebanyak tiga siri Kursus Peningkatan Kompetensi Pentaksiran Pendidikan Guru KAFA kepada guru-guru KAFA yang terpilih. Kursus ini diadakan bertujuan memberi pendedahan dan latihan berkaitan kaedah pentaksiran KAFA yang akan diperkenalkan nanti. Di samping itu, guru-guru ini akan dilatih untuk menjadi Pembimbing Latihan (Jurulatih Utama) pentaksiran KAFA pada masa akan datang.

Kursus pertama telah diadakan pada 14 hingga 17 Mac 2020 bertempat di Sekolah KAFA al-Khairiyah, Sentul. Seramai sembilan orang guru terlibat dalam kursus ini yang menggunakan instrumen pentaksiran bagi Konferensi (Conferencing). Kursus kedua pula diadakan pada 8 hingga 9 Ogos 2020 dan 15 hingga 16 Ogos 2020 di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18 (2), Putrajaya. Seramai 21 orang guru terlibat dalam kursus ini yang menggunakan instrumen pentaksiran bagi Pentaksiran Kendiri (Self Assessment). Kursus ketiga pula telah diadakan pada 12 hingga 13 September dan 26 hingga 27 September 2020 bertempat di Pusat Kegiatan Guru, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Seramai 20 orang guru KAFA Integrasi Al-Ehsaniyyah terlibat dalam kursus ini yang menggunakan instrumen pentaksiran bagi Pentaksiran Portfolio (Portfolio Assessment).

Barisan fasilitator kursus diketuai oleh YBrs. Dr. Khodori bin Ahmad, mantan Timbalan Pengarah Lembaga Peperiksaan merangkap Ahli LEPAL, para pegawai dari Lembaga Peperiksaan,

Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Perguruan Guru Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, penyelia serta guru KAFA yang terpilih. Di harap dengan adanya kursus seperti ini, para guru KAFA dapat menjadikan pentaksiran KAFA sebagai salah satu medium untuk mengaktifkan murid dalam pembelajaran.



## MENTRANSFORMASIKAN BUKU TEKS KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN (KAFA) JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Bagi menyahut saranan dan komitmen pengurusan tertinggi JAKIM agar Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) diperkasakan, JAKIM melalui Bahagian Pendidikan telah mentransformasikan kaedah penyediaan buku teks KAFA JAKIM dengan melantik penulis-penulis yang berkelayakan untuk menyediakan isi kandungan buku teks tersebut.

Bagi tujuan pengesahan dan penambahbaikan isi kandungan buku teks tersebut, Bengkel Semakan Prof Isi Kandungan Buku Teks KAFA JAKIM bagi tahun 2 dan 3 telah dilaksanakan di The Straits Hotel and Suite Melaka pada 4 hingga 7 Ogos 2020, melibatkan seramai 40 orang penyemak. Mereka telah pun bertungkus lumus dan memberikan komitmen yang padu dalam menyemak, mengesah dan memperaku semua isi kandungan bagi lapan subjek utama iaitu Tilawah al-Quran, Hifz al-Quran, Akidah, Ibadah, Adab, Sirah, Bahasa Arab dan Jawi dan Khat berpandukan kepada Kurikulum KAFA JAKIM 2.0. Semakan dan pengesahan yang diadakan bertujuan untuk meletakkan buku teks KAFA JAKIM berada pada standard dan kualiti yang setaraf dengan buku teks yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.



**Taklimat panduan penyemakan prof dan naskah contoh buku teks KAFA JAKIM dan Sesi bengkel semakan prof dan isi kandungan naskah contoh buku teks KAFA JAKIM**

## PEMBANGUNAN KURIKULUM KAFA MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK)

Selaras dengan penggunaan Kurikulum KAFA 2.0 di seluruh Malaysia mulai tahun 2020, Bahagian Pendidikan telah mengambil langkah proaktif dengan merangka pembangunan kurikulum KAFA Murid Berkeperluan Khas (MBK). Rentetan itu, Bengkel Pembangunan Kurikulum KAFA MBK telah dijalankan pada 22 hingga 24 Julai 2020 di Kompleks Islam Putrajaya dengan kehadiran 20 orang peserta dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), para pegawai JAKIM dan Penyelia serta guru KAFA. Antara objektif bengkel ini adalah bagi menyediakan kurikulum KAFA MBK bersesuaian dengan Kurikulum KAFA 2.0. Menerusi kurikulum KAFA MBK ini, diharapkan murid-murid dapat menguasai asas al-Quran dan asas fardu ain yang mantap.



Sesi bengkel bersama ahli panel

## KURSUS PENINGKATAN PROFESIONALISME PENYELIA KAFA NEGERI SABAH TAHUN 2020

Kursus Peningkatan Profesionalisme Penyelia KAFA Negeri Sabah telah diadakan pada 14 hingga 15 September 2020 di Shangri-La Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. Kursus yang melibatkan 47 orang penyelia KAFA seluruh Sabah ini diadakan bertujuan untuk berkongsi *input* baharu berkaitan pengurusan KAFA dan menambah nilai ilmu serta kefahaman kepada para peserta. Antara pengisian kursus ialah pendedahan berkaitan dunia teknologi maklumat masa kini agar mereka dapat berjalan seiring dalam arus kemodenan dan dapat memanfaatkan dunia teknologi secara optimum. Selain itu, kursus ini turut diisi dengan sesi Libat Urus Penyelia KAFA bersama pihak Pengurusan Tertinggi JAKIM. Ia bagi membincangkan permasalahan dan isu-isu berkaitan pengurusan penyelia KAFA di negeri Sabah khususnya. Secara umumnya, kursus ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dan berjalan dengan jayanya hasil kerjasama dari semua pihak yang terlibat.



Sesi Libat Urus Penyelia KAFA Sabah bersama Pengurusan Tertinggi JAKIM

## MANUAL PEMANTAUAN KAFA

Bermula pada tahun 2020, semua Penyelia Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dikehendaki mematuhi dan melaksanakan Manual Pemantauan KAFA. Manual Pemantauan KAFA diwujudkan bagi menyediakan satu garis panduan kepada Penyelia KAFA untuk melaksanakan pemantauan yang lebih efektif di semua premis KAFA. Antara kandungan manual ini ialah etika pemantauan dan tanggungjawab Penyelia KAFA, tatacara pelaksanaan pemantauan KAFA, penyediaan laporan pemantauan dan sebagainya.




## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN JAKIM KE JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEINS)

Pengarah Bahagian Pendidikan JAKIM, Tuan Haji Hashim bin Salleh serta rombongan telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEINS), YBhg. Datuk Haji Saifulzaman bin Sangul di pejabat beliau pada 14 September 2020. Kunjungan hormat ini diadakan bagi membincangkan hal ehwal berkaitan pengurusan KAFA di negeri Sabah dan menyelaraskan beberapa isu antara pihak pengurusan KAFA negeri dan JAKIM. Pihak JHEINS sangat mengalu-alukan dengan apa jua usaha yang dilakukan oleh JAKIM ke arah memperkasa pengurusan KAFA di negeri Sabah khususnya.



**Sesi perbincangan antara JAKIM dan JHEINS**



**Penyerahan cenderahati daripada JAKIM kepada JHEINS**

## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN JAKIM KEPADA PENERUSI MAJLIS GURU BESAR NEGERI SABAH (MGB) DAN AHLI JAWATANKUASA MGB DAERAH PUTATAN

Pengarah Bahagian Pendidikan JAKIM, Tuan Haji Hashim bin Salleh serta rombongan telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pengerusi Majlis Guru Besar Negeri Sabah (MGB) merangkap Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pekan Putatan, Cikgu Kasbulah bin Mangun dan Ahli Jawatankuasa MGB Daerah Putatan di Pusat Kegiatan Guru Sekolah Kebangsaan Putatan, Sabah pada 14 September 2020. Kunjungan hormat ini diadakan bagi membincangkan hal ehwal berkaitan pengurusan KAFA di negeri Sabah yang melibatkan premis sekolah dan menyelaras beberapa isu berkaitan antara pihak pengurusan sekolah dan JAKIM.





# DATA Kafa TAHUN 2020

## STATISTIK PREMIS Kafa SELURUH MALAYSIA TAHUN 2020

NEGERI	BILANGAN SEKOLAH BERDASARKAN PREMIS													BIL. KELAS
	SK	MAS-JID	SURAU	SRAN	SAR	BALAI RAYA	PREMIS KERAJAAN	RU-MAH KEDAI	SJK	SMKA	SABK	LAIN-LAIN TEMPAT	JUM-LAH	
JOHOR	72	0	3	478	5	4	6	1	0	0	8	17	594	7,756
KEDAH	340	45	43	2	1	0	0	1	1	0	0	4	437	5,482
KELANTAN	400	0	0	0	2	0	0	0	15	0	1	0	418	5,543
MELAKA	39	2	0	0	143	0	1	0	0	0	2	0	187	1,946
NESEMBELAN	201	0	1	0	56	0	2	8	9	0	0	29	306	2,086
PAHANG	260	18	12	0	259	0	6	6	4	0	2	11	578	3,655
PULAU PINANG	40	10	28	0	103	5	7	0	0	0	1	12	206	1,748
PERAK	11	7	22	0	613	1	8	3	0	0	2	1	668	3,812
PERLIS	59	1	3	0	5	1	1	1	10	0	4	1	86	1,379
SELANGOR	7	23	50	0	178	1	10	24	0	0	0	3	296	3,467
TERENGGANU	317	12	9	0	22	4	2	0	1	0	0	17	384	3,280
SABAH	79	156	193	74	91	52	26	12	0	0	2	204	889	1,992
SARAWAK	471	0	0	0	2	0	0	0	36	0	0	0	509	2,740
WILAYAH PERSEKUTUAN	39	10	36	0	0	4	1	0	0	0	0	35	125	1,645
JUMLAH	2,335	284	400	554	1,480	72	70	56	76	0	22	334	5,683	46,531

RUMUSAN STATISTIK KAFA TAHUN 2020

BIL. PREMIS	BIL. KELAS		BILANGAN GURU (Pengisian)				BILANGAN PENYELIA KAFA (Pengisian)				KUOTA PENYELIA KAFA		BILANGAN MURID		
	L	P	L	J	P	L	P	L	P	J	L	P	L	L	P
594	7,756	1,722	356	2,078	18	7	18	25	25	25	98,093	93,466			
437	5,482	2,779	427	3,206	22	11	22	33	33	33	45,208	44,848			
418	5,543	4,363	753	5,116	21	12	21	33	33	33	67,047	64,834			
187	1,946	1,246	251	1,497	4	7	4	11	11	12	24,531	23,684			
306	2,086	1,577	425	2,002	15	5	15	20	20	20	28,364	26,911			
578	3,655	2,207	366	2,573	23	15	23	38	38	39	38,023	37,008			
206	1,748	1,203	360	1,563	7	8	7	15	15	15	22,674	22,206			
668	3,812	2,545	600	3,145	7	20	7	27	27	31	47,369	47,753			
86	1,379	559	140	699	4	4	4	8	8	8	8,757	9,245			
296	3,467	2,201	590	2,791	23	8	23	31	31	32	50,335	48,431			
384	3,280	2,748	376	3,124	16	13	16	29	29	30	38,653	37,984			
889	1,992	1,727	594	2,321	19	28	19	47	47	48	21,136	20,909			
509	2,740	1,861	624	2,485	20	16	20	36	36	38	32,170	30,731			
125	1,645	777	369	1,146	4	8	4	12	12	12	16,316	15,839			
5,683	46,531	27,515	6,231	33,746	206	164	206	370	370	383	538,676	523,849			

# PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN SYARIAH

---

The image shows the Kompleks Islam Putrajaya, a modern Islamic architectural complex. The building features intricate geometric patterns on its facade and a large, white, dome-like structure. The text "KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA" is visible on a sign in the foreground.

KOMPLEKS  
ISLAM  
PUTRAJAYA

# BAHAGIAN DASAR KEMAJUAN ISLAM

## MUNAAQASYAH PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM NEGERI-NEGERI DI BAWAH NAUNGAN KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Munaaqasyah Pengurusan Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri di bawah Naungan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berlangsung pada 6 Februari 2020 bertempat di Istana Negara. Ahli terdiri daripada Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri. Isu-isu semasa dan penyelarasan pengurusan berkaitan hal ehwal Islam Negeri-negeri dipersembah kepada YDPA dan dibincangkan bagi kelancaran tadbir urus pengurusan Islam.



**Munaaqasyah Pengurusan Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri di bawah Naungan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berlangsung pada 6 Februari 2020 bertempat di Istana Negara.**

## PELAN HALA TUJU PUSAT PENGAJIAN TINGGI JAKIM

Bahagian Dasar Kemajuan Islam telah mengadakan dua siri Bengkel Pelan Hala Tuju PPT JAKIM pada bulan Februari dan Ogos 2020. Bengkel dibimbing oleh Puan Shairunniza binti Sarkawi (Ketua Pasukan Projek) dan Encik Mohd Saifi bin Mohd Suhaimi dari Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). PPT JAKIM yang terdiri daripada Darul Quran (DQ), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) telah berjaya menghasilkan draf pelan tindakan untuk semakan awal oleh pihak MAMPU, JPM. Perancangan strategik PPT ini diharap akan dapat memacu institusi pendidikan JAKIM untuk terus melangkah ke hadapan dan terus menyumbang kepada pembangunan modal insan dan ummah.

## KE ARAH MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN MQA BAGI PROGRAM SIJIL PENGAJIAN ISLAM BAGI INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS) DAN INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS)

Dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan pendidikan di Pusat Pemberi Pendidikan Tinggi JAKIM, Bahagian Dasar Kemajuan Islam telah bertindak selaku urus setia dalam menggerakkan proses permohonan pengiktirafan MQA bagi program Sijil Pengajian Islam yang dilaksanakan di IKMAS dan IPDAS. Tiga siri bengkel penyediaan dan semakan dokumen permohonan pengiktirafan sementara MQA/PA 01 telah berjaya dilaksanakan pada 3 hingga 5 Mac 2020 dan 15 hingga 17 Julai 2020 bertempat di IPDAS Sabah dan 24-25 Ogos 2020 bertempat di IKMAS Sarawak. Prof. Madya Dr. Emy Azziaty binti Rozali, Timbalan Pengarah Pusat Kualiti UKM telah dilantik sebagai Pakar Rujuk dalam proses penyediaan dokumen ini. Proses penyediaan dokumen lengkap akan diteruskan pada tahun 2021 dan dikemukakan kepada pihak MQA pada suku tahun pertama 2021.



Para peserta sedang berbincang dalam bengkel penyediaan dan semakan dokumen permohonan pengiktirafan di IKMAS, Sarawak

## MESYUARAT PENYELARASAN BERKAITAN ISU SOSIAL DAN KOMUNITI SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

Bahagian Dasar Kemajuan Islam telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Berkaitan Isu Sosial Dan Komuniti Semasa Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 pada 7 April 2020 (Selasa) di Bilik Mesyuarat YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama). Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan dihadiri oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun beserta wakil dari jabatan dan kementerian masing-masing. Mesyuarat bertujuan untuk menyelaras perkhidmatan, bantuan dan tindakan oleh agensi-agensi berkaitan bagi menangani isu sosial dan komuniti sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 yang bermula sejak 18 Mac 2020.

## PENYEDIAAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) MENGENAI KERJASAMA DALAM BIDANG HAL EHWAL ISLAM ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN ARAB SAUDI

MoU ini telah diusahakan dengan kerjasama kerajaan Arab Saudi bertujuan mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara dalam bidang pengurusan hal ehwal Islam. Kerjasama ini melibatkan beberapa bidang antaranya dakwah, latihan, penyelidikan, pembangunan dan kawal selia al Quran dan Sunnah, pengurusan Masjid dan lain-lain. Kerjasama ini turut melibatkan Kementerian Luar Negara, Kementerian Dalam Negeri, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Pendidikan Tinggi. MoU ini dijangka akan dapat dimuktamadkan pada tahun 2021.



Penyampaian Amanat oleh YB Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri,  
Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama)

## PERSIDANGAN LEMBAGA PENASIHAT PENYELARASAN PELAJARAN DAN PENDIDIKAN AGAMA ISLAM (LEPAI) KALI KE-52

Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Kali Ke-52 telah berlangsung pada 4 Ogos 2020 di The Everly Hotel Putrajaya dan dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan. Ahli-ahli terdiri daripada ahli LEPAI, Pengurusan Tertinggi JAKIM, Pengarah-Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Yayasan Islam Negeri-negeri.

Persidangan ini bertujuan membincangkan perkara berkaitan pemerkasaan kualiti pendidikan tahfiz awam dan swasta, peningkatan kualiti Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dan perancangan bagi melonjakkan kecemerlangan pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Melalui persidangan ini mutu Pendidikan Agama Islam di Malaysia dapat ditingkatkan.



**Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Kali Ke-52 di The Everly Hotel, Putrajaya Pada 4 Ogos 2020**



**Sesi bergambar 1 Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Kali Ke-52 di The Everly Hotel, Putrajaya Pada 4 Ogos 2020**

## BAHAGIAN DASAR KEMAJUAN ISLAM PEMENANG KATEGORI ZON TERBAIK DAN RUANG TERBAIK EKSA

Bahagian Dasar Kemajuan Islam telah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Zon Terbaik EKSA Siri 1/2020 pada 17 hingga 21 Ogos 2020 yang membawa pulang hadiah sebanyak RM300.00 beserta sijil penghargaan. Pertandingan ini merupakan anjuran Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bertujuan mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti, sistematik, praktikal, elak pembaziran dan memberi galakan kepada pegawai serta kakitangan agar komited dalam pelaksanaan EKSA.



**Ketua Zon menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai daripada Jawatankuasa Induk EKSA**

## DASAR PENDIDIKAN TAHFIZ NEGARA (DPTN) 2016-2020

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) 2016-2020 menggariskan lima teras utama yang menjadi fokus dan agenda penting pemerkasaan tahfiz iaitu memantapkan undang-undang dan penguatkuasaan, mewujudkan model institusi tahfiz, mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz sesuai dengan pendidikan arus perdana, memperkasakan tadbir urus institusi tahfiz, dan mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan institusi tahfiz. Dasar ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara JAKIM, pihak berkuasa agama negeri dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Tahfiz dihasilkan;

Pindaan terhadap Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505);

Penggubalan Draf Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Sekolah Agama Islam);

Peningkatan jumlah institusi tahfiz yang berdaftar dari tahun ke tahun;

Tiga model dan kurikulum peringkat menengah diperkenalkan iaitu Tahfiz Bersepadu, Tahfiz Turath dan Tahfiz Kemahiran;

Sebanyak 19 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta Maahad Tahfiz Negeri bekerjasama dengan Darul Quran JAKIM bagi melaksanakan program persijilan, diploma dan ijazah sarjana muda.



Kursus dan latihan pengurus atau mudir institusi tahfiz dengan kerjasama institusi latihan kerajaan.

Penyaluran bantuan khas penyelenggaraan premis kepada institusi tahfiz sejak tahun 2017 sehingga 2020;

Penubuhan Jawatankuasa Akreditasi Tahfiz bertujuan menyelaraskan mekanisme pengiktirafan, memberi pengiktirafan kepada huffaz dan institusi serta memantau pematuhan standard pengiktirafan.



Mesyuarat penyelarasan DPTN dipengerusikan oleh YBrs. TKP (Dasar) JAKIM



YBhg. Dato' Pengarah Kanan BDKI membentangkan laporan pelaksanaan DPTN

# BAHAGIAN PENYELARASAN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN SYARIAH

## MESYUARAT PENYELARASAN KERJASAMA STRATEGIK JAKIM DAN JABATAN PENJARA MALAYSIA

Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS) telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Kerjasama Strategik Antara Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan JAKIM pada 15 Julai 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Ar-Rasyid, Aras 7, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya. Mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh YBr. Tuan Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim, Pengarah BPPPS, mewakili Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM telah mengalu-alukan kehadiran delegasi dari Jabatan Penjara Malaysia yang diketuai oleh PKK Puan Zulia binti Khamis, Timbalan Pengarah Bahagian Agama dan Kaunseling JPM, Tuan Ramzi bin Osman, PUU JAKIM, Tuan Haji Marzuki bin Hassan, Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM, Tuan Haji Aminudin Mohammad, Timbalan Pengarah Bahagian Dasar Kemajuan Islam dan wakil-wakil dari Bahagian Dakwah serta Bahagian Penyelidikan JAKIM.

Mesyuarat telah membincangkan bentuk kerjasama strategik antara JPM dan JAKIM terutamanya dalam usaha pembangunan pemulihan sahsiah penghuni dengan memastikan wujudnya kesinambungan pendidikan atau bimbingan serta khidmat sokongan sosial yang berterusan melalui program-program dakwah dan program pemulihan dalam komuniti.

## KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA PENGARAH PERISIKAN PERTAHANAN, MINDEF

Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS) telah mengadakan kunjungan hormat ke Kementerian Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur pada 10 September 2020. Delegasi BPPPS JAKIM yang terdiri daripada 5 orang pegawai kanan telah diketuai oleh YBr. Tuan Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim, Pengarah BPPPS JAKIM. Delegasi JAKIM disambut mesra oleh YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal, YBhg. Brig. Jeneral Dato' Othman bin Haji Jamal, Mejar Jeneral Dato' Haji Nawawi bin Daud berserta Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pertahanan Malaysia.

Antara perkara yang dibincangkan dalam pertemuan ini termasuklah bentuk kerjasama yang boleh dijalinkan antara JAKIM dan ATM bagi membantu memperkasa dan meningkatkan kompetensi serta kemahiran Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan sebagaimana diperuntukkan di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENYEDIAAN ELEMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Manual Elemen Kesalahan Jenayah Syariah sebanyak 2 siri iaitu pada 11-12 Mac 2020 dan 21-22 Julai 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Ar-Rasyid, Aras 7, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim, Pengarah Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah itu telah dihadiri oleh Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama yang dilantik.

Mesyuarat tersebut telah berjaya membincangkan elemen-elemen yang terdapat dalam 8 peruntukan undang-undang kesalahan jenayah syariah iaitu menghina, atau menyebabkan dipandang hina agama Islam, lelaki bertagak seperti perempuan, mengajar agama tanpa tauliah, pendapat yang bertentangan dengan fatwa, penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum syarak, tidak menunaikan sembahyang Jumaat, tidak menghormati Ramadhan dan tidak membayar zakat atau fitrah.



## WACANA PAKAR UNDANG-UNDANG KETERANGAN 2020

Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah telah menganjurkan Wacana Pakar Undang-Undang Keterangan Siri Ketiga pada 26-27 Februari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Ar-Rasyid, Kompleks Islam Putrajaya. Program ini dihadiri oleh 22 orang Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie seluruh Malaysia. Bagi mengendalikan wacana tersebut, pihak urus setia telah menjemput YBhg. Dato' Dr. Hassan bin Abdul Rahman, mantan Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh merangkap Ahli Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil JAKIM sebagai pemudah cara.

Program yang berlangsung selama dua (2) hari ini telah membincangkan berkaitan Seksyen 11 hingga 16 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) berkenaan fakta-fakta relevan (berkaitan) yang boleh diambil kira oleh Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguatkuasa Agama semasa melaksanakan tugas Penguatkuasaan dan Pendakwaan. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan lagi penguasaan ilmu dan kemahiran Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie dalam menguruskan kes-kes kesalahan jenayah syariah di Malaysia.

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Pengurusan BPPPS Bil. 1/2020	14 Januari 2020	KIP
2.	Taklimat Sistem e-Jinayat Versi 3.0	17 Januari 2020	KIP
3.	Bengkel Asas Reka Bentuk Grafik	28-29 Januari 2020	KIP
4.	Mesyuarat Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia Bil.1/2020	6 Februari 2020	KIP
5.	Mesyuarat Ketua-ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama Seluruh Malaysia Bil.1/2020	11-12 Februari 2020	KIP
6.	Mesyuarat Pengurusan BPPPS Bil. 2/2020	12 Februari 2020	KIP
7.	Kunjung Hormat Bagi Membincangkan Kursus Asas Risikan	13 Februari 2020	MAKTAB PDRM CHERAS
8.	Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan Modul Khidmat Masyarakat Bagi Pesalah Muda	18 Februari 2020	KIP
9.	Wacana Pakar Undang-Undang Keterangan Siri III 2020	26-27 Februari 2020	KIP
10.	Mesyuarat Jawatankuasa Gubalan Kod Etika Pendakwa Syarie Bil.1/2020	10 Mac 2020	KIP
11.	Mesyuarat Jawatankuasa Penyediaan Elemen Kesalahan Jenayah Syariah Bil.1/2020	11-12 Mac 2020	KIP
12.	Mesyuarat Pengurusan BPPPS Bil. 3/2020	12 Jun 2020	KIP
13.	Mesyuarat Penyelarasan Laporan Kajian Undang-Undang Kali Pertama	6 Julai 2020	KIP
14.	Mesyuarat Penyelarasan Isu-isu Pendakwaan Syariah bersama-sama JKSM dan JAPENS WP	9 Julai 2020	KIP
15.	Mesyuarat Penyelarasan Kerjasama Strategik JAKIM dan Jabatan Penjara Malaysia	15 Julai 2020	KIP
16.	Kunjung Hormat bagi membincangkan Pembinaan Modul Kesalahan Akidah	20 Julai 2020	Selangor

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
17.	Mesyuarat Jawatankuasa Penyediaan Manual Elemen Kesalahan Jenayah Syariah 2/2020	21-22 Julai 2020	KIP
18.	Mesyuarat Kickoff Sistem e-Jinayat	23 Julai 2020	KIP
19.	Mesyuarat Jawatankuasa Gubalan Kod Etika Pendakwa Syariah Bil.2/2020	27 Julai 2020	KIP
20.	Mesyuarat Ketua Pendakwa Syariah Seluruh Malaysia Bil.2/2020	27 Julai 2020	KIP
21.	Mesyuarat Pengurusan BPPPS Bil.. 4/2020	7 Ogos 2020	KIP
22.	Mesyuarat Penyelarasan User Requirements Study (URS) Sistem e-Jinayat Siri I	7 Ogos 2020	KIP
23.	Mesyuarat Ketua-Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama Seluruh Malaysia Bil.2/2020	10-11 Ogos 2020	KIP
24.	Kursus Risikan kepada Ketua-ketua Pegawai Penguatkuasa Agama Seluruh Malaysia	11 Ogos 2020	KIP
25.	Mesyuarat Penyelarasan User Requirements Study (URS) Sistem e-Jinayat Siri II Modul Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah	12 Ogos 2020	KIP
26.	Kunjung Hormat Kerjasama Strategik JAKIM dan JAIS	13 Ogos 2020	Selangor
27.	Mesyuarat Jawatankuasa Penyemakan dan Penggubalan Model SOP Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Bil.1/2020	24-25 Ogos 2020	KIP
28.	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Arahan Tetap Pengarah JAIN Bil.1/2020	25-26 Ogos 2020	KIP
29.	Bengkel Pemurnian Quick Reference bagi Rujukan Pendakwa Syariah	27 Ogos 2020	KIP
30.	Kunjung Hormat Majlis Keselamatan Negara ke BPPPS JAKIM	1 September 2020	KIP
31.	Mesyuarat Penyelarasan Program Cakna Pergaulan Anda, Cegah Jenayah Tanggungjawab Bersama 2020 bersama-sama JAIS	2 September 2020	Selangor
32.	Wacana Pakar Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah 2020	8-9 September 2020	Pahang
33.	Mesyuarat Semakan Keperluan Pengguna Aliran Kerja E-Jinayat JAIS	10 September 2020	KIP
34.	Kunjung Hormat ke BIUPA mengenai Pemakaian Pangkat Penguatkuasa Agama	10 September 2020	JPM
35.	Kunjung Hormat kepada Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, MINDEF	17 September 2020	MINDEF
36.	Konsultasi Kod Etika Pegawai Penguatkuasa Agama kepada PPA JAWI	17 September 2020	Kuala Lumpur
37.	Mesyuarat Penyelarasan Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah 2020 bersama-sama JAHEAIK	28 September 2020	Kelantan

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
38.	Persidangan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syariah Seluruh Malaysia 2020	30 September -1 Oktober 2020	Selangor
39.	Mesyuarat Jawatankuasa Penyemakan dan Penggubalan Model SOP Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Bil.2/2020	5 Oktober 2020	KIP
40.	Perbincangan Kajian Kekuatan Prosedur Penguatkuasaan Syariah dalam Pendakwaan Syariah di Malaysia	3 Disember 2020	KIP

## BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Bahagian Undang-Undang telah berjaya melaksanakan fungsi penyelarasan dan penyeragaman undang-undang syariah melalui aktiviti-aktiviti berikut:

### **RUU Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan (“RUU KAWALAN”))**

Penggubalan RUU Kawalan bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan doktrin dan kepercayaan agama bukan Islam dalam kalangan orang yang menganut agama Islam. Cadangan penggubalan RUU Kawalan telah dibincangkan dalam Mesyuarat Sekretariat Dasar Perundangan Syariah Bil. 1/2020 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Haji Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 16 Jun 2020 dan Mesyuarat Semakan Draf Teks Penggubalan Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Di Raja, YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 6 Ogos 2020 yang memutuskan RUU Kawalan yang telah digubal oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivill (“JK Teknikal”) diteliti semula dan ditambah baik serta dibentangkan kepada MAIWP, negeri-negeri, MKI, Majlis Raja-Raja dan Mesyuarat Jemaah Menteri sebelum ia dibentangkan di Parlimen. Cadangan penambahbaikan RUU Kawalan telah dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat JK Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivill Bil. 158 pada 2 hingga 6 September 2020 dan mesyuarat telah memutuskan supaya Jawatankuasa Kecil Penambahbaikan RUU Kawalan (“Jawatankuasa Kecil”) ditubuhkan bagi meneliti semula dan menambah baik RUU Kawalan. Jawatankuasa Kecil ini dianggotai oleh:

- (a) YBhg. Dato' A. Aziz bin A. Rahim (Pengerusi),
- (b) YBhg. Dato' Dr. Hj. Hassan bin Hj. Ab Rahman;
- (c) YBhg. Dato' Hj. Zainul Rijal bin Abu Bakar;
- (d) YBhg. Dato' Haji Muhammad Asri bin Abdullah; dan
- (e) Puan Rodziah binti Muhammad.

Jawatankuasa Kecil ini telah mengadakan mesyuarat kali pertama pada 30 September 2020.

## **RUU Mahkamah Syariah (Sidang Kuasa Jenayah (PINDAAN) (“RUU 355”))**

Cadangan pindaan RUU 355 adalah bagi meningkatkan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah untuk membicarakan kesalahan terhadap rukun agama Islam oleh orang yang menganuti agama Islam. Penggubalan RUU 355 ini juga selaras dengan keputusan Mesyuarat Sekretariat Dasar Perundangan Syariah Bil. 1/2020 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Haji Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 16 Jun 2020 dan Mesyuarat Semakan Draf Teks Penggulangan Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Di Raja, YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 6 Ogos 2020 yang memutuskan agar RUU 355 digubal oleh JK Teknikal. Cadangan penggubalan RUU 355 telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Bil. 158 pada 2 hingga 6 September 2020 dan Mesyuarat Khas JK Teknikal Bil. 2 pada 1 hingga 3 Oktober 2020. RUU 355 yang telah digubal akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri, negeri-negeri, MAIWP, MKI dan Majlis Raja-Raja sebelum ia dibentangkan di Parlimen kelak.

## **Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Sekolah Agama Islam) (“Kaedah-Kaedah Sekolah Agama”)**

Penggubalan Kaedah-Kaedah Sekolah Agama bertujuan untuk mewujudkan undang-undang bagi mentadbir dan mengawal selia sekolah agama Islam dan aktiviti yang berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan sebagai undang-undang model kepada negeri-negeri. Perbincangan mengenai Kaedah-Kaedah Sekolah Agama Islam telah diadakan pada 30 Jun 2020, 16 Julai 2020 dan 17 Julai 2020.

## **RUU Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (“RUU 505”)**

Penggubalan RUU 505 ini bertujuan untuk meminda peruntukan-peruntukan dalam Akta 505 antaranya pindaan berkaitan Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), pelantikan Timbalan Mufti, pelantikan Ketua Hakim Syarie, pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, kuasa Mahkamah Tinggi Syariah, zakat dan fitrah dan pelantikan Pegawai Masjid. Pindaan yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk menambahbaik pentadbiran Islam dan perundangan dan kehakiman syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Cadangan pindaan ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat JK Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Bil. 158 pada 2 hingga 6 September 2020.

## **Rang Undang-Undang Wakaf (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (“RUU Wakaf”)**

Penggubalan RUU Wakaf bertujuan untuk mewujudkan undang-undang khusus yang akan mentadbir dan mengawal selia hal ehwal yang berkaitan dengan wakaf di Wilayah-Wilayah Persekutuan secara lebih komprehensif. Sepanjang tahun 2020, proses perbincangan mengenai RUU Wakaf ini diteruskan dengan pembentangan dalam Mesyuarat JK Teknikal Bil. 157 pada 4 hingga 7 Februari 2020. RUU Wakaf juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Kali Ke-150 Bil. 1/2020 pada 18 Februari 2020 untuk mendapatkan kelulusan dasar dan pembentangan di Parlimen. Ia juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Sekretariat Dasar Perundangan Syariah Bil. 1/2020 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Haji Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 16 Jun 2020. Suatu taklimat khusus berkaitan RUU Wakaf kepada YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan agensi yang berkaitan iaitu MAIWP, Pusat Zakat MAIWP Sdn. Bhd., JAWHAR, Yayasan Waqaf Malaysia dan Jabatan Peguam Negara telah diadakan pada 28 September 2020. RUU Wakaf disasarkan untuk dibentangkan di Parlimen pada akhir 2021.

## PENYELARASAN, PENYERAGAMAN DAN PEMERKASAAN UNDANG-UNDANG SYARIAH

Ahli-ahli JK Teknikal yang telah dilantik oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 16 Ogos 2020 lalu adalah terdiri dalam kalangan mantan Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)/Ketua Hakim Syariah, mantan Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia, mantan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, profesor syariah, profesor undang-undang, pengamal undang-undang syariah dan pengamal undang-undang sivil yang mempunyai pengetahuan sangat luas dalam bidang undang-undang syariah mahupun sivil dan juga undang-undang perlembagaan. Pelantikan ahli JK Teknikal ini adalah bertujuan untuk membantu JAKIM dalam menggubal dan menyeragamkan undang-undang syariah di negeri-negeri.

### Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil

JK Teknikal telah mengadakan mesyuarat seperti berikut:

- (a) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Bil. 157 pada 4 hingga 7 Februari 2020; dan
- (b) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Bil. 158 pada 2 hingga 6 September 2020.



Gambar sesi pertemuan antara YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Muhamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Ahli Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil



Gambar Ahli Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil bersama YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Muhamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ketika Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Bil. 158 pada 2 hingga 6 September 2020 di Hotel Sama-Sama KLIA, Sepang, Selangor.



### Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivill

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivill telah diadakan sebanyak dua kali iaitu:

- (a) Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivill Bil. 1/2020 pada 12 Februari 2020; dan
- (b) Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivill Bil. 2/2020 pada 1 hingga 3 Oktober 2020.



**Gambar kenangan Ahli Jawatankuasa Teknikal bersama YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) semasa Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivill Bil. 2/2020 pada 1 hingga 3 Oktober 2020 di Kompleks Islam Putrajaya.**

# BAHAGIAN MAQASID SYARIAH

## MAJLIS PELANCARAN BUKU ASPIRASI PENTADBIRAN MALAYSIA BAHARU

Buku Aspirasi Pentadbiran Islam Malaysia Baharu: Gagasan Ke Arah Masyarakat RAHMAH telah dilancarkan oleh mantan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof sempena Majlis Perhimpunan Agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 13 Januari 2020 bertempat di Auditorium Kompleks Islam Putrajaya.

Buku ini memaparkan hasrat dan gerak kerja untuk memperkasakan pentadbiran Islam sebagai agama Persekutuan demi mencapai kemakmuran bersama berpaksikan konsep Rahmatan Lil Alamin dan Maqasid Syariah sebagai pemangkinnya. Ia juga menggariskan kerangka hala tuju Gagasan Ke Arah Masyarakat RAHMAH meliputi tujuh kluster pentadbiran hal ehwal Islam iaitu Kluster Perundangan dan Kehakiman, Kluster Pendidikan dan Pembangunan Insan, Kluster Dakwah dan Media, Kluster Sosio Ekonomi, Kluster Pengurusan Haji dan Halal, Kluster Pengurusan Masjid dan Kluster Penyelidikan dan Maqasid.



## TOWNHALL MAQASID SYARIAH PERINGKAT KEMENTERIAN KESIHATAN

Program Town Hall Maqasid Syariah Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan pada 3 Februari 2020 di Dewan Serbaguna KKM. Majlis ini dimulakan dengan ucapan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia yang menyatakan bahawa "kakitangan KKM amat bertuah kerana tugas dan tanggungjawab seluruhnya berhubung kait dengan prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta."



Program ini dihadiri oleh hampir 400 orang peserta daripada pegawai dan kakitangan KKM dan wakil-wakil daripada Jabatan Kesihatan Negeri-negeri. Ia mendapat sambutan yang baik melalui maklum balas para peserta dalam memahami aplikasi Maqasid Syariah dalam tadbir urus secara inklusif dan progresif.

## TOWNHALL MAQASID SYARIAH PERINGKAT NEGERI KEDAH

Bahagian Maqasid Syariah dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah telah mengadakan Town Hall Maqasid Syariah Peringkat Negeri Kedah pada 24 Februari 2020 yang diadakan di TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah telah dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Ismail bin Salleh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Agama, Pembangunan Luar Bandar dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Kedah Darul Aman dan sesi town hall disampaikan oleh YBrs. Puan Nor Safina binti Zainal, Pengarah Bahagian Maqasid Syariah, JAKIM dan telah dikendalikan oleh Moderator iaitu YBhg. Prof. Madya Dr. Ahmad Basyir bin Aziz, Pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM). Turut hadir adalah YBhg. Puan Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM.

Program ini adalah sebahagian daripada siri jelajah penjelasan dan penerangan Maqasid Syariah ke negeri-negeri untuk memberikan penjelasan mengenai Maqasid Syariah dan pelaksanaannya dalam tadbir urus negara. Seramai 400 orang peserta telah hadir yang terdiri daripada Exco-exco Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Negeri/Persekutuan, Pegawai-pegawai kerajaan, wakil-wakil GLC dan Swasta, Pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), Pensyarah-pensyarah, Guru-guru dan Imam-imam sekitar Negeri Kedah.



## MAJLIS PELANCARAN BUKU MINDA MAQASID DAN MODEL PROGRAM EKSEKUTIF TADBIR URUS BERTERASKAN MAQASID SYARIAH

Bersempena dengan Majlis Pertemuan YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) bersama Panel Pakar Penyelidikan JAKIM, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah melancarkan dua (2) buah buku terbitan Bahagian Maqasid Syariah bertajuk "Minda Maqasid" dan "Model Program Eksekutif Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah" pada 6 Ogos 2020 bertempat di The Everly Putrajaya yang dihadiri seramai 120 orang.



Bersempena dengan majlis ini juga, YBhg. Dato' Mohd Roslan Bin Mahayuddin, Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) telah menyerahkan Sijil Hak Cipta Model Program Latihan Eksekutif Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). JAKIM selaku pencipta dan pemunya Hak Cipta di bawah Akta Hak Cipta 1987 telah membangunkan Model ini ke arah menjadikan Maqasid Syariah sebagai teras dalam tadbir urus negara.

## PROGRAM NADWAH ILMIAH PERDANA 2020: KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

Program Nadwah Ilmiah (NAIM) Perdana 2020 anjuran Jabatan Arah KAGAT yang bertemakan “Maqasid Syariah Teras Pembangunan Organisasi” telah berjaya menghimpunkan seramai 300 peserta yang melibatkan pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi-agensi keselamatan lain.

Pengarah Bahagian Maqasid Syariah, Puan Nor Safina binti Zainal telah diundang untuk menyampaikan taklimat berkaitan Maqasid Syariah khusus mengenai peranan Maqasid Syariah dalam keselamatan dan pertahanan negara di dalam program tersebut.



## TAKLIMAT MENGENAI KAJIAN PENGUKURAN APLIKASI MAQASID SYARIAH KEPADA AGENSI-AGENCI DI BAWAH YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Kajian pengukuran mengenai aplikasi Maqasid Syariah telah dipersetujui oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk dilaksanakan kepada semua agensi-agensi di bawah YB Menteri. Berikutan daripada keputusan tersebut, beberapa taklimat mengenai kajian telah dilaksanakan sebelum edaran soal selidik mengenai kajian tersebut diadakan.



Taklimat di JAWHAR



Taklimat di YADIM



Taklimat di JKSM



Taklimat di JAPENS



Taklimat di IKIM

# UNIT INTEGRITI

## PENGENALAN

Unit Integriti ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 yang berperanan sebagai `focal point` kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Penubuhan Unit Integriti ini adalah bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk meningkatkan tadbir urus sektor awam dan memantapkan budaya integriti penjawat awam. Ia merupakan satu usaha kawalan dalaman jabatan untuk menguruskan integriti dalam organisasi bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.

## MESYUARAT JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) JAKIM

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 berkenaan Pementapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti Dan Anti-Rasuah Kebangsaan, sebanyak 3 kali Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JAKIM telah diadakan sepertimana berikut:

BIL.	MESYUARAT	TARIKH
1.	JAR JAKIM Bil. 1/2020	30 Januari 2020
2.	JAR JAKIM Bil. 2/2020	27 Ogos 2020
3.	JAR JAKIM Bil. 3/2020	23 Disember 2020

## PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

Pada tahun 2020, Unit Integriti telah melaksanakan 2 program pengukuhan dalam usaha meningkatkan kesedaran dan pembudayaan integriti dalam kalangan warga JAKIM dan masyarakat secara umum. Penularan wabak Covid-19 telah mengubah norma penganjuran program secara fizikal kepada pelaksanaan secara dalam talian. Program-program tersebut ialah:

### BICARA INTEGRITI 1

**“Bekerja Daripada Rumah : Integriti Dihayati, Bukan Dikhianati”.**

Unit Integriti telah menganjurkan Program Bicara Integriti pada 3 Julai 2020 dengan mengenengahkan tajuk “Bekerja Daripada Rumah: Integriti Dihayati, Bukan Dikhianati”. Program ini diadakan sebagai salah satu usaha untuk memupuk budaya kerja berintegriti serta meningkatkan komitmen warga JAKIM tentang peranan dan tanggungjawab sebagai penjawat awam.

Program tersebut diadakan secara *hybrid* iaitu dengan penglibatan seramai 25 orang peserta yang hadir secara fizikal manakala 53 orang peserta lagi hadir secara dalam talian

Penceramah jemputan iaitu Tuan Nik Syuharul Apizo bin Sapien, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat, Majlis Amanah Rakyat (MARA), seorang Pegawai Integriti Bertauliah (CeLO) dan juga Kaunselor Berdaftar telah berkongsi tips mencari kebahagiaan melalui pengalaman nilai-nilai integriti dalam kehidupan seharian.



## BICARA INTEGRITI 2

### “Lambaian Kassorga: Apa Yang Dikejar?”.

Pada 18 November 2020, Unit Integriti JAKIM telah menganjurkan program Bicara Integriti 2 dengan tajuk ‘Lambaian Kassorga: Apa Yang Dikejar’. Program tersebut dibuat secara FB Live dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat JAKIM dengan menampilkan 2 orang panel jemputan iaitu Ustaz Haji Ahmad Dusuki bin Abd Rani dan PPJ Tuan Mohamad Izam bin Abd Nasir, daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Moderator bagi program ini ialah Ustaz Mohd. Harii bin Mohamad Daud.



## BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JAKIM

Pada 2 hingga 4 Oktober 2020 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Unit Integriti telah mengadakan Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JAKIM bertempat di Holiday Inn, Melaka. Bengkel ini dikendalikan oleh Puan Norasikin binti Baharudin dan Puan Nurul Fadzliyanie binti Mohd. Razif daripada Institut Integriti Malaysia (IIM). Bengkel ini diadakan bagi tujuan menyediakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat jabatan dalam usaha menjayakan agenda Kerajaan untuk mendukung usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan.

Seramai 25 orang pegawai yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada setiap Bahagian di JAKIM hadir bagi berkongsi pandangan dan pengalaman dalam mengenal pasti risiko yang telah, sedang dan mungkin akan berlaku di jabatan seterusnya merangka pelan tindakan yang bersesuaian. Turut hadir sama ialah Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM, Tuan Haji Ahmad Fuad bin Apandi yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelan OACP JAKIM.



**Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JAKIM bertempat di Holiday Inn, Melaka.**





---

# SOSIO EKONOMI UMMAH



KOMPLEKS  
ISLAM  
PUTRAJAYA

# BAHAGIAN KELUARGA, SOSIAL DAN KOMUNITI

## PENCERAMAH PRA PERKAHWINAN ISLAM



Peserta Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan pegawai perubatan mengikuti kursus wajib TOT Penceramah Praperkahwinan Islam pada 30 September - 2 Oktober 2020 di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan.

## PROGRAM MUKHAYYAM GETTING NEAR YOU (GNY 6)

Program ini bertujuan untuk memberi bimbingan, pemulihan dan memberi kesedaran kerohanian serta mengajak mereka kembali kepada fitrah.



Timbalan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama,) YB Ahmad Marzuk bin Shaary bergambar dengan peserta golongan LGBT dari seluruh negara pada 18 – 20 September 2020, di Sudara Beach Resort, Bachok Kelantan



YB Ahmad Marzuk Bin Shaary telah merasmikan Program Mukhayyam Getting Near You(GNY 6)

## SEMINAR FIQH AN-NISA'

Seminar Fiqh An-Nisa' dilaksanakan dengan kerjasama Masjid Universiti Teknologi MARA Shah Alam kepada 88 orang Pegawai Hal Ehwal Islam Kampus Cawangan UITM dan JAKIM pada 29 September 2020 dengan tujuan mendidik diri menjadi wanita bekerjaya. Seminar ini turut disiarkan secara langsung menerusi Youtube UITM Channel dan Facebook Masjid UITM Shah Alam.



## PELAKSANAAN KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM DALAM TALIAN

Bagi memenuhi kehendak semasa era teknologi Revolusi Internet (IR-4.0), pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam Secara Dalam Talian amat diperlukan, maka JAKIM pada 22 - 23 September 2020 di Kompleks Islam Putrajaya mengadakan bengkel khas untuk dibentangkan kepada seluruh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).



## PROGRAM RAKAN SETIA KOMUNITI OKP DADAH

JAKIM bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, AADK Pulau Pinang, Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM) dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) pada 28 - 30 Ogos 2020 menganjurkan Program Rakan Setia Komuniti OKP Dadah Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang.



Program Rakan Setia Komuniti Okp Dadah ini dapat merealisasikan prinsip Maqasid Syariah, dengan memulihkan mereka yang terjebak dengan penagihan dadah dan meningkatkan tahap keyakinan diri menjadi insan berguna.

## KSK CARE CENTRE

Untuk melebarkan perkhidmatan KSK Care Centre (Spiritual Care) di hospital, JAKIM mengadakan mesyuarat penyelarasan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 11 Disember 2020. Kerjasama ini akan membantu menguatkan spiritual pesakit dan para petugas barisan hadapan KKM yang semakin terdedah kepada risiko sakit mental.



## BAHAGIAN PENYELIDIKAN

### KAJIAN-KAJIAN UTAMA

JAKIM melaksanakan kajian-kajian dalam usaha membantu masyarakat menjalani kehidupan mengikut syariat Islam. Seterusnya kajian ini menjadi panduan kepada Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengekang pandemik COVID-19. Kajian-kajian ini meliputi kajian akidah, kajian syariah, kajian media seperti media penerbitan, media digital, media sosial dan juga kajian serta penapisan teks terjemahan al-Quran.

BIL.	KAJIAN AKIDAH
1.	Kajian Ajaran Makrifat yang meragukan
2.	Kajian menangani Fahaman dibawa oleh Suhaini Ahmad
3.	Kajian Berkenaan Isu Tanglung

BIL.		KAJIAN SYARIAH	
1.	Kajian Hukum Penggunaan E-Wallet	1.	Garis Panduan Kedudukan Saf Solat Ketika PKP.
2.	Kajian Penentuan Tahap Tanggungjawab Syariah Terhadap Muslim Autism	2.	Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban Semasa Tempoh PKP/PKPB.
3.	Kajian Hukum Penghasilan Produk Minyak Ikan (Crude Fish Oil) Daripada Sisa Ikan Mentah	3.	Garis Panduan Solat Sunat Hari Raya Aidilfitri Di Rumah Dalam Tempoh PKPB COVID-19.
4.	Kajian Penggunaan Wang Zakat Untuk Penerima Bukan Islam Oleh Tabung Zakat Angkatan Tentera Malaysia.	4.	Garis Panduan Solat Musafir Dalam Tempoh PKP/PKPB COVID-19.
5.	Hukum Penggunaan Kapas Perubatan Yang Mengandungi Gelatin Babi.	5.	Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Dalam Bulan Ramadhan Sepanjang Tempoh PKP/PKPB COVID-19.
6.	Kajian Hukum Ujian Saringan (Swab Test) Covid 19 Bagi Orang Yang Berpuasa.	6.	Panduan Hukum Ujian Saringan Dan Prosedur Rawatan Pesakit COVID-19 Dalam Bulan Ramadhan.
7.	Kajian Hukum Puasa Bagi Pesakit Covid 19 Dan Petugas Barisan Hadapan.	7.	Garis Panduan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Dalam Tempoh PKP COVID-19.
8.	Kajian Semakan Kadar Zakat Fitrah Dalam Tempoh Pkp/Pkpb.	8.	Garis Panduan Pelaksanaan Perkahwinan Orang Islam Secara Atas Talian Dalam Tempoh Tempoh PKP/PKPB COVID-19.
9.	Kaedah Pelaksanaan Ibadah Dalam Bulan Ramadhan Semasa Tempoh Pkp.	9.	Garis Panduan Kedudukan Saf Solat Ketika PKP.

## MULTAQA JAWATANKUASA FATWA SELURUH MALAYSIA

Jakim melaksanakan Multaqa Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia pada 21-23 September 2020 di Sama-sama Hotel Kuala Lumpur International Airport (KLIA), dan disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibn Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-Lah. Baginda Paduka Seri Sultan Perak dengan tajuk Ke Arah Memartabatkan Institusi Fatwa.

Multaqa kali ini mencapai 10 resolusi yang menetapkan kerajaan mewujudkan Pusat Penyelidikan Fatwa dan Kajian Hukum Kontemporari sebagai pusat rujukan dan pusat kecemerlangan (centre of excellent) dalam kajian dan penyelidikan semua bidang untuk kemaslahatan umat Islam negara ini dan juga di seluruh dunia ini.



## CERAPAN DAN SOLAT SUNAT KHUSUF SEMPENA GERHANA MATAHARI SEPARA

JAKIM bersama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya telah mengadakan aktiviti Cerapan dan Solat Gerhana Matahari Separa di Malaysia pada hari Ahad 21 Jun 2020 bersamaan 29 Syawal 1441H.

Fenomena Gerhana Matahari berlaku pada 21 Jun ini disaksikan kira-kira 8% hingga 37% (Jasad Matahari dilindungi Bulan) oleh seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala penduduk di negara Afrika Tengah, Semenanjung Tanah Arab, Pakistan, India, Nepal, China dan Taiwan dapat menyaksikan Gerhana Matahari Cincin.



## ACARA MENGADAP KDYMM PEMANGKU RAJA PAHANG OLEH AHLI MESYUARAT JAWATANKUASA MUZAKARAH FATWA MKI

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi hal Ehwal Ugama Islam MKI kali Ke-117 pada 25 Ogos 2020 bermesyuarat dan diiringi acara mengadap KDYMM Pemangku Raja Pahang di Istana Abdul Aziz.



## HUKUM MENGENAI AKIDAH, IBADAH DAN LAIN-LAIN LAGI YANG BERSANGKUTAN DENGAN KESAN PANDEMIK COVID-19

JAKIM telah menjadi urus setia Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan membincangkan pandangan hukum mengenai akidah, ibadah berkaitan kesan pandemik COVID-19 kepada umat Islam di Malaysia. Hasil daripada mesyuarat tersebut sebanyak 15 panduan hukum diputuskan, lapan garis panduan dibangunkan dan dua Prosedur Operasi Standard berjaya diumumkan.



## SEKRETARIAT MAJLIS HALAL MALAYSIA DAN BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL

### JAKIM PEROLEH KELULUSAN AKREDITASI ISO/IEC 17065 : 2012

JAKIM diberi akreditasi ISO/IEC 17065: 2012 Conformity Assessment - Requirements for bodies certifying products, process and services membuktikan JAKIM sebuah badan pensijilan halal yang mengikut segala keperluan, standard dan perundangan International Organization for Standardization (ISO) dan dapat memperkukuhkan negara Malaysia menerajui badan pensijilan halal secara global.





## SLOT SEPETANG @ HALAL MALAYSIA

JAKIM mengadakan slot ini pada setiap hari Jumaat jam 3.00 petang mulai 19 Jun 2020 demi menyantuni pengguna media sosial. Slot ini akan memastikan informasi dan penjelasan isu-isu halal disampaikan kepada pengguna secara santai dan mesra.



## SEMINAR PERSEDIAAN PENSIJILAN HALAL SKIM PERANTI PERUBATAN

Seminar ini diadakan pada 22 dan 23 September di Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA, Sepang, Selangor Darul Ehsan secara tertutup kepada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan Medical Device Authority (MDA). YBrs. Puan Hj. Hakimah binti Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM turut hadir untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup.



## MYHAC JAKIM TERIMA KUNJUNGAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (CHAL EHWAL AGAMA)

Lawatan YB Menteri ke Pusat Analisis Halal Malaysia (MyHAC) ini bertujuan untuk mendapatkan perkembangan terkini projek pembangunan Gudang Eksibit Halal yang dibangunkan mulai Julai 2020 dan dijangka siap pada Januari 2022 dengan kos RM5.3 juta.



**MyHAC telah berjaya mencapai pengiktirafan akreditasi MS ISO/IEC 17025: 2017 setelah Penilaian ( Pre-Assessment Audit) oleh Jabatan Standard Malaysia yang dilaksanakan pada 23-24 September 2020.**

## PELAKSANAAN PERJANJIAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA (HCA)

JAKIM telah memperoleh akreditasi ISO/IEC 17065 Conformity assessment –Requirements for bodies certifying products, processes and services daripada Jabatan Standard Malaysia (JSM). Pelaksanaan Perjanjian Pensijilan Halal atau Halal Certification Agreement (HCA) berkuatkuasa pada 17 Ogos 2020 dan tertakluk kepada pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang permohonannya diproses oleh BPH, JAKIM.



## PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI HALAL KEMBOJA

JAKIM menganjurkan program ini kepada lima orang pegawai Badan Pensijilan Halal Kemboja selama dua minggu mulai 2 hingga 14 Mac 2020. Program ini mengeratkan kerjasama erat JAKIM dengan Badan Pensijilan Halal Kemboja.




## HALAL TASKFORCE INTERSESSION 2020 MALAYSIA – AUSTRALIA

JAKIM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia menyertai Mesyuarat Halal Taskforce Working Group secara maya bersama Jabatan Pertanian, Air dan Persekitaran Australia (DAWE) di Pejabat Kedutaan Australia di Malaysia pada 15 September 2020. Pengerusi bersama YBrs. Tuan Marzuki Hassan (JAKIM) dan Dr. Anna (DAWE) membincangkan pelbagai usahasama dan strategik mempertingkatkan operasi badan pensijilan halal, sistem *traceability* halal dan *halal meat partnership*.



## PENSIJILAN HALAL MALAYSIA

Sebanyak 2309 permohonan Pensijilan Halal Malaysia telah diterima oleh JAKIM bagi tahun 2020 dengan semakan domestik sebanyak 2,273 manakala semakan luar negara adalah sebanyak 36 permohonan.



**Jumlah Permohonan Mengikut Skim Bagi Tahun 2020**

Lantaran pandemik COVID-19, banyak kerja pengauditan permohonan di luar negara ditangguhkan. Maka prosedur pengauditan secara audit jauh (remote audit) dibangunkan bagi menggantikan audit di lapangan. Situasi seperti ini juga memberi kesan kepada perancangan aktiviti Jawatankuasa Penilaian Pengiktirafan Whitelist Kepada Pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia, yang diadakan setahun sekali, iaitu 30 September 2020.

## SKIM PERMOHONAN YANG DIAUDIT TAHUN 2020

Sebanyak 811 permohonan dalam negara untuk tahun 2020 berjaya diaudit secara fizikal. Sebanyak 488 skim premis makanan paling banyak diaudit dan skim kosmetik pula paling sedikit iaitu hanya 3 permohonan. Maka dengan ini, satu SOP audit dibangunkan bagi menjalankan audit fizikal di kawasan zon merah dan memerlukan ujian swab serta kuarantin 14 hari. Sebanyak 13,800 keping Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) telah dicetak bagi permohonan di peringkat JAKIM dan MAIN/JAIN sepanjang tahun 2020. JAKIM hanya menguruskan permohonan syarikat di bawah bidang kuasanya, manakala permohonan di bawah semakan JAIN diuruskan oleh pihak JAIN. Maka sebanyak 1081 permohonan telah disemak dan diuruskan oleh JAKIM.

JUMLAH AUDIT MENGIKUT SKIM PERMOHONAN TAHUN 2020													
SKIM / BULAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	JUMLAH
PRODUK	52	19	12	0	0	13	60	14	23	5	0	0	198
PREMIS	188	102	34	0	0	32	55	27	40	10	0	0	488
LOGISTIK	3	2	3	0	0	2	1	3	2	0	0	0	16
RUMAH SEMBELIH	0	0	0	0	0	0	3	0	1	0	0	0	4
BARANG GUNAAN	0	2	0	0	0	0	1	0	1	0	0	0	4
KOSMETIK	2	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	3
FARMASEUTIKAL	21	10	7	0	0	3	6	5	3	2	0	0	57
HOTEL	5	5	3	0	0	2	3	5	2	1	0	0	24
DEM	3	0	2	0	0	3	2	5	2	0	0	0	17
JUMLAH	274	140	59	0	0	55	132	59	74	18	0	0	811

Jumlah Pengauditan mengikut Skim Permohonan untuk Tahun 2020

## PEMANTAUAN DAN PENGESAHAN MAKMAL PANEL HALAL JAKIM

Pemantauan yang dilaksanakan pada bulan Ogos 2020 di Halvec Laboratories Sdn. Bhd. I-G-1, Ground Floor, Block I, Parklane Commercial Hub, No. 21, Jalan SS7/26, Kelana Jaya, 47301, Petaling Jaya, Selangor, bertujuan menyelia dan mengesahkan operasi syarikat ini. Pemantauan ini adalah juga untuk memastikan syarikat Makmal Panel Halal mematuhi peraturan Manual Makmal Panel Halal JAKIM serta telah memperolehi akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) menerusi keperluan MS ISO/IEC 17025 daripada Jabatan Standard Malaysia.




## PELANCARAN MANUAL PROSEDUR PENSIJILAN HALAL MALAYSIA (DOMESTIK) 2020 DAN SISTEM PENGURUSAN HALAL MALAYSIA (MHMS) 2020

JAKIM melalui Sekretariat Majlis Halal Malaysia telah mengorak langkah memantapkan kawal selia halal di negara ini pada 29 Oktober 2020, dengan melancarkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 dan Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS) 2020. Kedua-dua dokumen telah dibangunkan sejak tahun 2018 itu menjadi rujukan utama dan diguna pakai oleh pemohon Pensijilan Halal Malaysia. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 diterbitkan berdasarkan Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] melalui Perintah 7(2), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) kini terbuka kepada permohonan sembilan skim-skim berikut:

Produk makanan dan minuman	Produk barang guna
Produk kosmetik	Perkhidmatan logistik
Premis makanan	Pengilangan kontrak/ OEM
Produk peranti perubatan	

Dokumen Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS) 2020 pula mengandungi perincian bagi dua pelaksanaan, iaitu:

Sistem Kawalan Halal Dalam (IHCS) bagi kegunaan industri kecil dan mikro	Sistem Jaminan Halal (HAS) bagi kegunaan industri besar dan sederhana.
--	--



Dokumen Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020



Dokumen Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS) 2020

# INSTITUSI MASJID

---



# MASJID NEGARA

## PROGRAM SUMBANGAN MUSA'ADAH COVID-19 MASJID NEGARA

Program Sumbangan Musa'adah COVID-19 Masjid Negara, Kuala Lumpur kepada golongan yang terjejas semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 diadakan di Sahn Masjid Negara pada 09 April 2020. Sumbangan telah disampaikan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir bersama adalah YBhg. Dato' Hj. Wan Muhammad bin Dato' Syaikh Abdul Aziz, Setiausaha Politik Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ustaz Kamarul Saman bin Yaacob, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAKIM dan YBrs. Dr. Amru Alhaz bin Adnan, Ketua Penolong Pengarah Masjid Negara.

Seramai enam orang penerima dipilih bagi mewakili 150 ketua keluarga di pusat bandar dan kawasan persekitaran. Para penerima adalah terdiri daripada kalangan para pekerja yang hilang sumber pendapatan.



## MAJLIS SUMBANGAN RAMADAN MASJID NEGARA BERSAMA PERTUBUHAN KEBAJIKAN MOHD CHAN

Majlis Sumbangan Ramadan Masjid Negara diadakan pada 16 Mei 2020 di perkarangan Masjid Negara, Kuala Lumpur dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Mohd Chan. Pertubuhan ini menyumbangkan 1000 bungkus bubur lambuk manakala 5000 pelitup muka pula adalah sumbangan Pejabat Republik Kedutaan Rakyat China, Kuala Lumpur. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir bersama dalam majlis ini ialah YBhg. Datuk Mohd Chan bin Abdullah, Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Mohd Chan, Tuan Haji Mohd. Ajib bin Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni, Imam Besar Masjid Negara. Sumbangan yang disampaikan ini merupakan hasrat Pertubuhan Kebajikan Mohd Chan yang perlu diagihkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.



**YB Menteri  
bersama Imam  
Besar Masjid  
Negara serta  
Pengerusi  
Pertubuhan  
Kebajikan Mohd  
Chan**



**Antara wakil  
penerima  
sumbangan yang  
hadir mengikut  
SOP yang  
ditetapkan**

## MAJLIS MA'AL HIJRAH 1442H/ 2020M

Sambutan Ma'al Hirah 1442H/2020M di Masjid Negara, Kuala Lumpur diadakan pada 19 Ogos 2020 bermula jam 6.30 petang bertemakan "Ummah Rabbani Negara Harmoni". Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menghadiri majlis tersebut dengan kehadiran 500 jemaah.

Turut hadir ialah KDYMM Raja Permaisuri Agong, Tunju Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin serta beberapa Menteri Kabinet dan dif jemputan. Baginda turut berkenan menyampaikan anugerah Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan kepada YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan dan tokoh antarabangsa dianugerahkan kepada Fadhilatul Imam Al-Akhbar Prof. Dr. Ahmad Muhammad Al-Tayyib, Sheikhu Azhar Al Sharif, Mesir yang diwakili oleh Kedutaan Mesir di Malaysia. Bacaan doa akhir tahun dan awal tahun, tahlil, doa selamat, solat Maghrib serta solat sunat hajat diimamkan oleh YBrs. Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni, Imam Besar Masjid Negara.





**KDYMM SPB YDPA,  
Al-Sultan Abdullah  
Ri'ayatuddin Al-Mustafa  
Billah Shah berkenan  
hadir ke Masjid Negara,  
Kuala Lumpur**



**KDYMM SPB YDPA,  
Al-Sultan Abdullah  
Ri'ayatuddin Al-Mustafa  
Billah Shah berkenan  
menyampaikan  
anugerah Tokoh Ma'al  
Hijrah Kebangsaan  
dan Tokoh Ma'al  
Hijrah Antarabangsa  
1442H/2020M kepada  
para penerima.**



**KDYMM SPB YDPA,  
Al-Sultan Abdullah  
Ri'ayatuddin Al-Mustafa  
Billah Shah berkenan  
untuk menerima  
sumbangan buku yang  
dikarang sendiri oleh YB  
Senator Datuk Dr Zulkifli  
Mohamad Al-Bakri.**

## PROGRAM IBADAH KORBAN MASJID NEGARA 2020 DALAM TEMPQH PKP

Ibadah Korban Masjid Negara 2020 dalam tempoh PKP diadakan pada 1 Ogos 2020. Program ini telah bermula jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 1.00 petang. Program ini hanya dihadiri oleh kakitangan Masjid Negara sendiri dan para sukarelawan yang telah dilantik oleh pihak pengurusan Masjid Negara.

Kesemua petugas yang hadir telah diperiksa oleh pegawai yang bertugas bagi memastikan mereka sentiasa mematuhi kesemua SOP yang telah digariskan seperti memakai pelitup muka, mengambil suhu, mendaftarkan diri di kaunter dan lain-lain lagi. Hal ini bertujuan supaya rantaian COVID-19 dapat diputuskan.



## PROGRAM RAKAN MASJID HOSPITAL (RAMAH) DI HOSPITAL AMPANG

Program Rakan Masjid Hospital (RAMAH) telah berlangsung dengan jayanya pada 1 Oktober 2020 di Hospital Ampang, Selangor. Program ini merupakan program ziarah dan penyampaian cenderamata yang dianjurkan oleh Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Hospital Ampang, Selangor.

Program yang bermula pada jam 9.00 pagi ini telah dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni, Imam Besar Masjid Negara bersama-sama beberapa pegawai dari Masjid Negara. Sebanyak 150 beg cenderamata telah disampaikan kepada pesakit melalui wakil daripada pihak hospital iaitu Encik Mohd Said bin Adnan, Timbalan Pengarah (Pengurusan) serta YBrs. Dr. Rahimah binti Mohd Sahudi @ Sahud, Timbalan Pengarah (Perubatan) III, Hospital Ampang. Turut hadir bersama YBrs. Dr. Raziman bin Abd Razak, Pengerusi Persatuan Kebajikan Islam Hospital Ampang (PERKIHA).

Antara objektif program ini adalah untuk memperluas peranan dan sumbangan masjid dalam menyantuni para pesakit yang sedang dirawat di hospital. Selain itu juga, ia bagi menjalinkan kerjasama strategik di antara Masjid Negara dengan Hospital Ampang untuk mengadakan program dan aktiviti keagamaan pada masa yang akan datang.



**Imam Besar Masjid Negara, Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni bergambar kenangan bersama para pegawai Hospital Ampang**



**Imam Besar Masjid Negara, Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni menyerahkan sumbangan kepada Encik Mohd Said bin Adnan, Timbalan Pengarah (Pengurusan) Hospital Ampang**



**Wakil daripada pihak Hospital Ampang menyerahkan sumbangan kepada pesakit di wad yang terpilih**

# MASJID PUTRA

## PROGRAM MOTIVASI SMART INSANI – SANTUNI ANAK YATIM 7 OGOS 2020, MASJID PUTRA, PUTRAJAYA

Program ini bertujuan menyantuni sebahagian anak-anak yatim dengan pengisian motivasi dan santapan rohani, selain mencambah minda dan intelektual para peserta yang terdiri daripada Anak-Anak Yatim Rumah Bakti Al-Kausar. Menurut seorang peserta, program ini banyak memberi input dan impak positif buat dirinya terutamanya slot Ice Breaking dan Muhasabah Diri yang dikelolakan oleh Ustaz Selebriti terkenal iaitu Ustaz Muhammad Hanafiah Abdul Malek. Majlis penutupan dan penyerahan sijil telah disempurnakan oleh Imam Besar Masjid Putra YBr. Tuan Haji Ikmal Zaidi bin Hashim kepada Haji Airol Faraqee bin Abu Bakar, Pengurus Rumah Bakti Al-Kausar yang berlangsung di atas Kapal Cruise Putrajaya. Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Puan Rosnah Ismail, Penolong Pengarah Kanan Cawangan Dakwah Bil Hal, dan Haji Abdul Karim Zakaria, Penolong Pengarah Kanan Unit Khidmat Sosial Masjid Putra.



Penyampaian sumbangan cenderahati kepada wakil Rumah Bakti Al-Kausar di atas Cruise Tasik Putrajaya



Sesi ice breaking dan Muhasabah Diri kepada peserta kursus yang terdiri daripada Anak-anak Yatim Rumah Bakti Al-Kauthar.

Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya YBr. Tuan Haji Ikmal Zaidi Hashim menyampaikan cenderahati kepada ustaz selebriti terkenal Ustaz Muhammad Hanafiah Abdul Malek.



## **PROGRAM-PROGRAM SEMARAK MAHABBAH DAN DERMA DARAH MASJID PUTRA 6 MAC 2020, MASJID PUTRA, PUTRAJAYA**

Bertempat di Bilik Seminar Al Baiyyinah, Kompleks Islam Putrajaya telah berlangsung Kursus Training of Trainers Sukarelawan Rakan Masjid Hospital. Kursus ini diadakan sebanyak dua siri dan seramai 40 orang peserta telah mengikuti kursus ini yang terdiri daripada sukarelawan pertubuhan bukan kerajaan iaitu Wanita PERKIM An-Nidaa, Pertubuhan Warga Emas Putrajaya (PERWEP) dan Pertubuhan Mawaddah Malaysia (MAWADDAH). Kursus turut menampilkan tiga orang penceramah yang tidak asing dan merupakan individu yang aktif dalam aktiviti turun padang bersama masyarakat antaranya Ustaz Tajul Urus Abdul Halim, Ustazah Nazirah Abu Bakar dan Ustazah Ruzeeta Saad.

Menurut salah seorang peserta dan sukarelawan yang aktif, Datin Wira Hanifat binti Harun berkata, program kursus kali ini banyak memberi pendedahan dan input-input baru yang pastinya berguna buat para sukarelawan.



**Antara peserta yang hadir terdiri dari Wanita PERKIM An-Nidaa, Pertubuhan Warga Emas Putrajaya (PERWEP) dan Pertubuhan Mawaddah Malaysia (MAWADDAH).**

## **PROGRAM SUMBANGAN MUSA'ADAH KEPADA PUSAT JAGAAN AL-FIKRAH 21 MEI 2020, PUSAT JAGAAN AL-FIKRAH, TAMAN SIKAMAT, KAJANG, SELANGOR**

Masjid Putra, Putrajaya terus komited dalam usaha menjadikan institusi masjid sebagai sebuah entiti yang menjadi wasilah penyatuan dan penggerak aktiviti kebajikan selaras fungsi dan peranannya. Masjid Putra telah mengadakan program Sumbangan Mus'adah kepada Pusat Jagaan al-Fikrah, Taman Sikamat, Kajang, Selangor pada 21 Mei 2020. Sebanyak 100 set sumbangan barangan keperluan seperti beras, susu, tepung gandum dan lampin pakai buang telah diserahkan kepada penghuni pusat jagaan tersebut. Penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh YBr. Tuan Haji Ikmal Zaidi bin Hashim, Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya.



Penyampaian sumbangan oleh YBrs Tuan Haji Ikmal Zaidi bin Hashim kepada wakil Pusat Jagaan al-Fikrah.



Antara tetamu yang hadir pada majlis tersebut

## **PROGRAM BUBUR ASYURA (KAWAH PRIHATIN) KERJASAMA PUSPANITA KEBANGSAAN 28 OGOS 2020, MASJID PUTRA, PUTRAJAYA**

Program Kawah Prihatin Merdeka telah diadakan di Masjid Putra, Putrajaya anjuran Puspanita Kebangsaan dengan kerjasama KKMM, MAIWP, Masjid Putra dan Bank Islam. Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara merangkap Penasihat Puspanita Kebangsaan bersama YBhg. Puan Sri Norizam binti Che Mohd Nor, Yang Dipertua Puspanita. Turut hadir YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dan YBhg. Puan Sri Maisarah binti Mokhtar, Pengerusi Puspanita JPM dan ahli-ahli Puspanita serta para sukarelawan. Antara pengisian program ini adalah gotong-royong memasak bubur asyura yang diketuai Chef Zam, tazkirah dhuha, kibar Jalur Gemilang dan penyampaian sumbangan nutrisi 'Pek Prihatin' serta bubur asyura kepada golongan asnaf dan golongan yang kurang bernasib baik.



**YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara dan YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) turut serta memasak bubur asyura.**

# MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN

Pada 12 November 2020 (Jumaat) bertempat di Surau Al-Muqarrabin, Kampung Mambau Seremban Negeri Sembilan kerjasama daripada rakan strategik Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Muffi Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, dan pada 20 November 2020 jam 10.00 pagi bertempat di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya, MTMZA dengan kerjasama Charity Rights telah melaksanakan program Bantuan Prihatin MTMZA (Musa'adah Covid). Seramai 45 orang yang terdiri daripada mangsa banjir, Kampung Mambau dan asnaf sekitar Putrajaya yang menerima manfaat daripada program yang dilaksanakan ini.



## PENYERAHAN PENINGKATAN PROJEK SISTEM E-IMARAH 2.0 KEPADA MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN

20 Julai 2020 (Isnin): Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin telah mengorak langkah dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat melalui Projek Peningkatan Sistem e-Imarah 2.0. Sistem e-Imarah ini berfungsi bagi memberikan kemudahan kepada agensi / NGO yang ingin menggunakan fasiliti yang disediakan di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya

Antara fasiliti dan kemudahan yang disediakan termasuklah kemudahan untuk menempah ruang untuk kursus dan pernikahan. Penyerahan sistem ini telah disampaikan oleh YBhg Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Tuan Hj Ahmad Fuad bin Apani. Antara tetamu yang hadir ialah Tuan Hj Nor Azamir Bin Hj Alias, Imam Besar Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Pegawai Kanan Sistem Maklumat JAKIM dan para pegawai dari Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.





## FORUM PERDANA IBADAH QURBAN @ MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABDIN, PUTRAJAYA

11 Julai 2020 (Sabtu): Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya dengan kerjasama Yayasan Budi Ihsan telah menganjurkan Forum Perdana Ibadah Qurban yang bertajuk "Korban atau Terkorban". Forum Perdana Ibadah Qurban ini merupakan program kerjasama diantara Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Yayasan Budi Ihsan. Forum ini telah berlangsung di Dewan Solat Utama Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya pada jam 9.45 pagi. Forum Perdana Ibadah ini telah menampilkan Imam Besar Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin: Tuan Hj. Nor Azamir Bin Hj. Alias, Ustaz Elyas bin Ismail dan Ustaz Jafri bin Abu Bakar sebagai ahli panel. Forum ini turut dikendalikan oleh En. Syamsul Amri bin Ismail (Syamsul Debat) sebagai moderator forum. Antara intipati yang telah dibincangkan sepanjang forum termasuklah sejarah ibadah qurban, kelebihan ibadah qurban kepada diri, masyarakat dan juga negara. Selain itu turut dibincangkan bagaimana ibadah qurban dapat merapatkan jurang sosio-ekonomi diantara golongan kaya dan juga miskin. Kira-kira seramai 150 orang jemaah telah hadir dalam Forum Perdana Ibadah Qurban ini.



## PROGRAM MUSA'ADAH AMBANG SYAWAL BERSAMA ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) PUTRAJAYA @ MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN, PUTRAJAYA

19 Mei 2020 (Selasa): Tidak mahu ketinggalan dalam meraih fadilat bersedekah pada bulan Ramadan. Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Program Musa'adah Ambang Syawal bersama Orang Kelainan Upaya (OKU) Putrajaya. Program Musa'adah Ambang Syawal Bersama Orang Kelainan Upaya (OKU) Putrajaya merupakan program kerjasama di antara Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Persatuan Orang Kelainan Upaya Putrajaya (PROcJAYA). Majlis penyerahan bantuan ini telah berlangsung di ruang Lobi Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin kira-kira jam 9.45 pagi.

Seramai 60 orang penerima bantuan yang terdiri daripada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) telah diraikan dalam majlis ini. Walaubagaimanapun, setiap sesi penyerahan bantuan hanya terhad kepada 15 orang penerima sahaja berikutan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Penyerahan bantuan ini telah disempurnakan oleh Tuan Hj. Nor Azamir Bin Hj Alias, Imam Besar Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Objektif penganjuran program ini termasuklah membantu golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang berada di sekitar Putrajaya disamping meneruskan tradisi menyantuni golongan OKU sempena bulan Ramadan yang dijalankan pada setiap tahun. Antara yang turut hadir bagi memberikan sokongan kepada penganjuran Program Musa'adah Ambang Syawal Bersama Orang Kelainan Upaya (OKU) Putrajaya termasuklah Ustaz Mohd Radhi bin Abdul Ghani, Ketua Seksyen Dakwah Sosial dan Ustaz Mohd Zikri bin Zainal, Ketua Seksyen Tarbiyah dan Ibadah.





## CERAMAH PERDANA SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA AL-FADHIL DR. ABDUL SOMAD @ MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN, PUTRAJAYA

2 Februari 2020 (Isnin) - Ceramah Perdana sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan telah disampaikan oleh Dr Abdul Somad bertempat di Dewan Solat Utama, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya. Ceramah yang bertemakan Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya telah dikupas dari sisi sejarah awal kebangkitan Islam di Mekah dan Madinah berteraskan keutuhan perpaduan di antara golongan Muhajirin dan Ansar. Kira - kira 5000 orang jemaah membanjiri Dewan Solat Utama bagi mengikuti Ceramah Perdana yang disampaikan oleh Dr. Abdul Somad. Antara tetamu kehormat yang hadir bagi menjayakan Ceramah Perdana ini termasuklah YB Menteri Wilayah Persekutuan, YB Khalid Samad dan Presiden Putrajaya, YBhg Datuk Dr Aminuddin bin Hassim.





جائتھن كمالجوان اسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,  
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
Presint 3, 62100 Putrajaya.

Tel: 03-8870 7000

Faks: 03-8870 7003

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

  
KOMPLEKS  
ISLAM  
PUTRAJAYA